



PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 6135]

**MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18:
Kenyataan Menteri Kewangan Malaysia [Ruangan 6163]**

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1981

Jawatankuasa (Hari Kesepuluh)—

Jadual:

Maksud B. 31 [Ruangan 6168]

Maksud B. 32 [Ruangan 6193]

Maksud B. 33, B. 34, B. 35, B. 36 dan B. 37 [Ruangan 6216]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1981

Jawatankuasa (Hari Kesepuluh)—

Maksud P. 31 [Ruangan 6168]

Maksud P. 32 [Ruangan 6193]

Maksud P. 33 dan P. 36 [Ruangan 6216]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang Di-Pertua, TAN SRI DATO (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).
- ” Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.J., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).
- ” Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- ” Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MOHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- ” Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- ” Menteri Wilayah Persekutuan, DATO AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- ” Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- ” Menteri Pelajaran, DATO MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).
- ” Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- ” Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- ” Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- ” Menteri Penerangan, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).
- ” Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).
- ” Menteri Perusahaan Utama, DATO PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- ” Menteri Pertanian, DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).
- ” Menteri Tenaga Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., D.P.M.J. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungai Siput).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO HAJI ZAKARIAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN SANUSI BIN JUNID, S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., D.S.I.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N., D.J.N. (Kepala Batas).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN, A.S.D.K., (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, P.C.M., A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, A.M.N., P.J.K. (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMAD (Machang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, PUAN CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, S.M.S. (Ulu Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. S.S.I.J. (Tenggaroh).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ DATO ABDUL SAMAD BIN IDRIS, D.P.M.J., J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ, A.M.N., (Tanjong Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR, A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).

Yang Berhormat DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).

- „ TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHEAL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN EDWARD ESNEN UNANG (Mukah).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN DATUK HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datoh).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ DATO HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA, S.A.P. (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).

Yang Berhormat DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).

- ” TUAN LEE KAW (Kluang).
- ” TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- ” TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- ” TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- ” TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- ” TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- ” DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- ” TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- ” TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- ” TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- ” TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K., (Kota Belud).
- ” TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- ” TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- ” TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- ” TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- ” TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- ” TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- ” TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S., S.M.J. (Pagoh).
- ” TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- ” TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- ” DATO NIK HASSAN BIN WAN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.S., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- ” DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- ” TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- ” TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- ” TUAN P. PATTO (Menglembu).
- ” TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- ” DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- ” DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- ” DATO SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.G.D.K. (Kuala Kedah).
- ” TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- ” TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- ” TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- ” PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED, A.M.N., B.S.I., P.S.I. (Semerah).

Yang Berhormat TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).

- ” TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- ” TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- ” TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- ” TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- ” TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- ” DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- ” TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- ” TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- ” TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- ” TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- ” WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- ” WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- ” TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- ” DATUK DR WONG SOON KAI, P.N.B.S. P.B.S. (Sibu).
- ” TUAN YANG CHOONG FU, J.P. (Kinta).
- ” PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- ” DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- ” DATO HAJI YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, D.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Panti).
- ” TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa 25hb November, 1980

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

ISLAMIC SUMMIT CONFERENCE
MENGENAI JERUSALEM

1. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Luar Negeri menyatakan sejauh manakah sokongan Kerajaan Malaysia terhadap perjuangan/perbincangan pihak atasan yang dilakukan oleh Islamic Summit Conference atas status Baitul Mukaddis yang diadakan baru-baru ini di Beirut setelah diketahui bahawa Israel (Kerajaan Yahudi) akan pindah ke Baitul Mukkadis menjadikan tempat tersebut sebagai ibu wilayahnya dalam masa sebulan dari tarikh Bill yang diluluskan oleh Knesset (Parlimen).

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, terutama sekali saya suka memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa Persidangan Kemuncak Islam tidak pernah diadakan di Beirut sama ada buat kebelakangan ini ataupun di masa-masa lampau; keduanya, saya tidak sedar tentang adanya sebarang mesyuarat Pertubuhan Persidangan Islam di Beirut.

Soal yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebenarnya dikaji oleh Sessi Luarbiasa Menteri-menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam yang diadakan dari 11hb hingga 12hb Julai, 1980 di Amman, Jordan.

Malaysia menyertai Sessi itu dan menyokong cadangan agar diadakan satu tindakan bersama oleh negara-negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam untuk memutuskan hubungan dengan mana-mana negara yang

menyokong keputusan Israil menakluki Tempat Suci Baitul Muqaddis dan menjadikannya sebagai ibu kota Israel. Sessi itu juga menyeru negara-negara yang mempunyai perwakilan diplomatik di Baitul Muqaddis itu supaya menarik keluar perwakilan-perwakilan mereka.

Yang Berhormat Mulia Menteri Luar Malaysia telah menekankan pendirian kita semasa perayaan Hari Al Aqsa di Kuala Lumpur bahawa Malaysia tidak akan teragak-agak untuk mematuhi keputusan Pertubuhan Persidangan Islam di Amman itu dengan memutuskan hubungan diplomatik dengan negara-negara yang gagal berbuat demikian.

Saya suka memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa buat masa ini kesemua negara barat dan Amerika Latin yang berkenaan telahpun menarik keluar perwakilan diplomatik mereka dari Baitul Muqaddis.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada negara-negara Eropah Barat dan juga Amerika Latin seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi yang menarik keluar perwakilan mereka daripada Baitul Muqaddis, adakah masih lagi kedapatan pada hari ini negara-negara yang ada hubungan diplomatik dengan Malaysia yang belum lagi menarik perwakilan diplomatik mereka daripada Baitul Muqaddis.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, semua sekali 13 buah negara yang pada awalnya mempunyai perwakilan diplomatiknya di Baitul Muqaddis. Ketiga-tiga belas buah negara itupun menarik diri.

Negara-negaranya sukalah saya nyatakan di sini: seumpama Belanda, Costa Rica, Columbia, Bolivia, Chile, Domingo, Equador, El Salvador, Guatemala, Haiti, Panama, Uruguay, Venezuela.

Semua sekali telah menarik diri dan pihak kita berpuas hatilah tentang kedudukan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Peter Paul Dason.

Tuan Fung Ket Wing: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 2.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Sandakan.

PENCEMARAN SUNGAI DI PULAU PINANG

2. Tuan Fung Ket Wing (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar tentang keadaan pencemaran yang serius di sungai-sungai dan sungai-sungai kecil di Pulau Pinang yang mengancam kesihatan rakyat, jika ya, sama ada beliau akan mengarah pihak-pihak berkuasa tempatan yang berkenaan supaya membersihkan sungai-sungai dan sungai-sungai kecil; juga nyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mengesakan keadaan sungai-sungai dan sungai-sungai kecil di Pulau Pinang.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar berlaku pencemaran sungai di Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, keadaan adalah terkawal berikutan dengan penguatkuasaan beberapa peraturan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974. Kementerian saya juga mendapat kerjasama dari kerajaan Negeri Pulau Pinang. Pentadbiran negeri melalui Penguasa-penguasa Tempatan sedang mengawaskan pencemaran akibat dari cecair keluar daripada kilang-kilang perusahaan dan industri-industri lain dengan memastikan bahawa cecair keluar tersebut mematuhi standard-standard yang ditetapkan.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Menteri sama ada beliau sedar bahawa masih terdapat sungutan-sungutan daripada nelayan-nelayan di kawasan Juru di negeri Pulau Pinang di mana mereka terdapat bahawa sungai-sungai di mana mereka bergantung untuk mencari rezki didapati cemar. Dan sekiranya beliau sedar, apakah kedudukan sekarang mengenai masalah ini.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, tentang perkara ini memang saya sedar dan bagi penduduk-penduduk di Kuala Juru hendak menghindarkan kesusahan mendapatkan mata pencarian yang dihadapi oleh penduduk-penduduk Kuala Juru baru-baru ini akibat daripada pencemaran air yang mana telah menyebabkan kekurangan ikan dan juga menyebabkan aktiviti-aktiviti perikanan, dukacitanya sangat sedikit boleh dijalankan.

Oleh itu sekarang pihak MAJUIKAN telah menjalankan projek memelihara kerang seluas 50 ekar di Kuala Juru dan ini akan memberi pekerjaan kepada penduduk-penduduk di situ. Adalah ditaksirkan tiap-tiap pekerja mendapat lebih kurang \$300 sebulan dengan menangkap kerang-kerang yang dipelihara di situ. Di samping itu mereka juga boleh pergi menjalankan aktiviti-aktiviti menangkap ikan di laut lebih kurang 5 batu daripada Kuala Juru dan alat-alat kelengkapan mereka seperti sampan dan motor sangkut (out-board motor) adalah disediakan oleh MAJUIKAN dan oleh yang demikian dari segi ekonomi sekarang mereka telahpun disediakan dengan pekerjaan dan ini mengurangkan kesusahan mereka selama ini.

YURAN UNTUK PELAJAR ASING DI UNITED KINGDOM

3. Tuan Haji Ikhwan bin Nasir minta Menteri Pelajaran menyatakan tindakan yang telah diambil di bidang diplomasi antarabangsa dan di dalam negeri terhadap kenaikan bayaran persekolahan oleh Kerajaan Conservative Inggeris. Apakah hasil-hasil yang positif dari tindakan-tindakan tersebut.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, tindakan-tindakan berikut telah diambil di peringkat antarabangsa iaitu:

- (i) satu mesyuarat telah diadakan di Marlborough House antara Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi Negara-negara Komanwel pada 10hb April, 1980 dalam mana pandangan-pandangan tidak puas hati Kerajaan-kerajaan Negeri Komanwel telah disampaikan kepada Kerajaan British. Pesuruhjaya Tinggi Malaysia telah mengambil bahagian dalam perjumpaan ini.

- (ii) satu persidangan Menteri-menteri Pelajaran Komanwel telah diadakan di Collombo, Sri Langka pada bulan Ogos, 1980. Dalam persidangan tersebut Yang Berhormat Menteri Pelajaran Malaysia telah membangkitkan isu kenaikan yuran ini, dan ucapan beliau telah mendapat sambutan hangat dari negara-negara sedang membangun. Hasil daripada itu, isu kenaikan yuran untuk pelajar-pelajar asing daripada negara-negara sedang membangun telah menjadi satu agenda yang penting untuk perhatian negara-negara Komanwel. Selain daripada itu Yang Berhormat Menteri juga telah mengambil peluang mengadakan perjumpaan khas dengan Y.B. Setiausaha Negeri bagi Pelajaran dan Sains, United Kingdom, Mark Carlisle mengenai perkara yang sama. Hasil daripada pertemuan tersebut, Negara British telah mengetahui masalah yang dihadapi oleh Malaysia secara lebih dekat lagi di samping berjanji untuk memperuntukkan sebanyak 40 biasiswa setahun daripada sejumlah 500 biasiswa setahun bagi pelajar-pelajar asing, kepada pelajar-pelajar Malaysia.

Di peringkat dalam negeri pula, tindakan-tindakan berikut telah diambil:

TINDAKAN OLEH PIHAK KERAJAAN

- (i) Kementerian Pelajaran telahpun menubuhkan satu tabung pusingan pada tahun ini dengan peruntukan permulaan sebanyak \$300,000. Tabung ini adalah bertujuan memberi pinjaman kepada pelajar-pelajar bersendirian yang menghadapi kesempitan kewangan.
- (ii) Kementerian Pelajaran bersama dengan Jabatan Perkhidmatan Awam telah dan sedang berusaha mencari lebih banyak tempat pengajian di negara-negara lain selain daripada United Kingdom. Sehingga ini sebanyak 2 delegasi di peringkat pegawai telah dihantar untuk tujuan tersebut.
- (iii) Kementerian Pelajaran juga bersama-sama dengan Universiti-universiti tempatan sedang berusaha merancang pembesaran dan perkembangan universiti-universiti supaya setiap universiti boleh mencapai enrolmen pelajar maksima sebanyak 10,000 pelajar.

TINDAKAN OLEH PIHAK SWASTA

- (i) Pelancaran Yayasan Anglo Malaysian yang diusahakan oleh Professor Diraja Ungku Abdul Aziz dengan pihak MPPM (Majlis Persatuan Pelajar Malaysia di United Kingdom dan Eire). Yayasan ini adalah bertujuan untuk memperolehi bantuan wang daripada pihak-pihak Swasta, khasnya daripada Syarikat-syarikat Perdagangan British yang ada kepentingan di dalam Malaysia, bagi membantu pelajar-pelajar yang terlibat dengan kenaikan yuran itu.
- (ii) Yayasan Tuanku Abdul Rahman pula akan menubuhkan satu skim bantuan pelajaran untuk membantu pelajar-pelajar yang ditimpa kesusahan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, dalam bidang diplomasi antarabangsa, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan beberapa langkah yang telah diambil dari segi bidang diplomasi antarabangsa berkenaan dengan perkara yuran persekolahan pelajar-pelajar Malaysia di United Kingdom. Di sini suka saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa berkenaan dengan langkah-langkah yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi nampaknya tidak begitu berkesan untuk membawa tekanan (pressure) kepada Kerajaan Conservative British. Memandangkan ini, sukalah saya mendapat tahu sama ada pihak Kerajaan Malaysia sebagai salah satu ahli negara Commonwealth bercadang untuk membawa perkara ini sebagai satu item yang akan dibincangkan di dalam sidang Persatuan Parlimen Commonwealth yang akan datang supaya boleh memberi peluang kepada wakil-wakil negara-negara Komenwel untuk membincang dan juga membawa tekanan yang lebih berkesan kepada Kerajaan British?

Tuan Yang di-Pertua: Panjang sangat soalan tambahannya. Lain kali, tolong ringkaskan.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, dikatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan antarabangsa tidak berkesan barangkali ini adalah satu pandangan individu tetapi pihak Kerajaan dan juga pihak Kementerian Pelajaran sudah berusaha sedaya upaya daripada channel diplomatik apa yang kita boleh untuk menimbulkan masalah-masalah kita kepada pihak-pihak yang berkenaan. Kita mesti faham juga oleh kerana

negara Britain—dahulu Great Britain, sekarang barangkali tidak berapa great—tetapi walau bagaimanapun mereka pun ada menghadapi kesusahan dari segi ekonomi dan sebagainya, ini kita pun mesti faham kerana keadaan-keadaan di sana tidak semacam 10 atau 20 tahun yang dahulu. Sungguhpun kita tahu cara itu kita tidak dapat mengikuti dengan memuaskan dan kita mesti berikhtiar supaya kita boleh mengambil cara-cara yang lain. Oleh sebab itulah kita pun menghantarkan pegawai-pegawai dan juga mengambil cara-cara yang lain untuk mendapatkan saluran-saluran kepada negara-negara yang lain untuk mendapat tempat-tempat dan hasil dari segi perbelanjaan, yuran dan sebagainya barangkali dapat rendah untuk meringankan beban pelajar-pelajar dan juga ibubapa mereka. Jadi, soal untuk menimbulkan perkara ini kepada persidangan Persatuan Parlimen Commonwealth (CPA) barangkali soal ini terletaklah kepada Persatuan CPA Malaysia dan jika Ahli Yang Berhormat sendiri menjadi seorang Ahli barangkali boleh bangkitkan perkara itu dalam persidangan Persatuan Parlimen Commonwealth dan kita pun boleh memberikan sokongan.

Tuan Yang di-Pertua: Ini makin lama makin hilang suara. (*Ketawa*)

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menerangkan tentang kesukaran yang dihadapi oleh Great Britain dalam masalah ini tetapi ada orang yang dispute tentang kerugian Kerajaan Great Britain terhadap ramainya bilangan pelajar di sana. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah beliau berpuas hati concession yang diberikan 500 biasiswa, iaitu 40 kepada Malaysia, sedangkan 16,000 orang pelajar-pelajar kita terlibat di sana. Apakah tindakan yang lebih keras supaya Britain dapat memahamkan peranannya sebagai penaung kepada Komanwel?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, barangkali kita pun dapat difahamkan bahawa Kerajaan British tidak dapat buat apa-apa oleh kerana keadaan ekonomi yang dihadapi oleh Kerajaan. Mereka tidak dapat membantu kepada universiti-universiti yang mana mereka masa dahulu ada memberikan bantuannya. Oleh sebab itulah barangkali jikalau universiti itu dapat dijalankan mestilah mendapat sumber kewangan dari mana-mana yang boleh.

Berkaitan dengan apa yang telah ditawarkan 40 biasiswa untuk kita, ini boleh dikatakan "something is better than nothing" oleh kerana ini sahajalah yang mana mereka boleh tawarkan kepada kita. Untuk melanjutkan perhubungan, barangkali tradisi dan juga untuk mengejar pelajaran, khasnya pelajaran lanjutan, 40 biasiswa ini boleh dikatakan kita menghargai daripada tawaran itu.

Dikatakan sebagai penaung Komanwel oleh Britain ini, dari segi tradisi mereka pun sudah lama dengan Komanwel dan jikalau sekarang dikatakan mereka sudah menghadapi keadaan ekonomi negara itu, kita sebagai sahabat-sahabat dalam Komanwel ini boleh diberikan simpati juga kepada mereka. Kita berharap dapat berusaha dengan apa yang boleh oleh kita dan kalau lain-lain negara boleh dapat tolong kita, kita pun terima dan juga dengan semangat itu saya fikir bukan keluarga Komanwel, tetapi keluarga dalam dunia ini boleh dapat kita bersahabat dengan baik.

Tuan Haji Hashim bin Endut: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagai ibubapa seluruh negara berasa gembira di atas penerangan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran tadi di atas tindakan-tindakan yang diambil oleh pihak Kerajaan kita untuk memberi kesenangan kepada penuntut-penuntut dengan United Kingdom sehingga Kementerian juga boleh memujuk syarikat-syarikat British yang ada kepentingannya dalam negara kita ini. Bolehkah saya tahu sejauh mana sambutan mereka ini kerana British are British, izinkan saya, lazimnya mereka ini beri perhatian yang dingin kepada kita. Sejauh mana sambutan kepentingan-kepentingan British ini yang ada macam estet-estet besar dan berbagai-bagai kompeni yang besar di atas anjuran Kementerian Pelajaran ini?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ini ialah daripada pihak swasta, secara mendalam barangkali saya tidak dapat memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini. Tetapi dari mula-mulanya pada pengetahuan saya pihak swasta ini yang telah disebut dalam jawapan saya tadi mereka telah melahirkan perasaan sangat simpati untuk menyokong program ini. Soal kewangan (duit) ini tentulah kadangkala mengambil masa sedikit. Bila kita kumpulkan wang jikalau dapat membuatkan satu tabung dan sebagainya mesti ada mengatur peraturan

dan sebagainya, cuma tidak boleh dibahagi-bahagikan kepada pelajar-pelajar yang diminta. Setakat ini sambutan boleh dikatakan memuaskan.

Dato' Haji Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri oleh kerana penuntut kita di sana bukan sahaja mengambil di peringkat pengajian tinggi, dengan izin, ada juga yang mengambil A level. Adakah kenaikan ini disamakan di antara mereka yang mengambil bahagian pengajian tinggi dengan yang mengambil A level. Itu pernyataan saya.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya dapat tahu pelajar-pelajar atau penuntut-penuntut yang diminta cuma daripada peringkat universiti, setakat ini sahaja. Jadi di peringkat A level, barangkali oleh kerana tabung itupun terhad, kita tidak mampu melayani di peringkat A level itu.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya sama ada benar atau tidak masalah kenaikan bayaran yuran persekolahan itu hanya dihadapi oleh penuntut-penuntut daripada Negara-negara Komanwel sahaja, tetapi penuntut-penuntut dari Negara Eropah tidak menghadapi masalah itu. Jika benar tidakkah kenyataan bahawa Kerajaan Britain menghadapi kesukaran kewangan itu tidak benar langsung. Jadi adakah Kerajaan kita bercadang supaya mengambil tindakan balas terhadap penduduk-penduduk British yang menduduki dalam Negara kita, umpamanya minyak diberi subsidi dalam negara kita dan orang-orang British yang duduk dalam negara kita tidak patut berpeluang untuk membeli minyak dengan subsidi itu.

Tuan Yang di-Pertua: Itu di luar daripada soalan asal. (*Ketawa*)

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri dengan kenaikan bayaran persekolahan oleh Kerajaan Conservative ini apakah akibat-akibat daripada kenaikan ini menjadikan pelajar kita berkurangan masuk belajar ke England, dan juga adakah kes kanak-kanak yang belajar sekarang ini meninggalkan persekolahannya dengan kenaikan yuran pengajian ini?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, kesan yang telah ditimbulkan itu tentulah sedikit sebanyak ada menjejaskan pelajaran penuntut-penuntut yang sedang menuntut di Britain itu. Oleh sebab itulah kita katakan selain daripada usaha-usaha yang dapat dimainkan oleh kita untuk membantu mereka dan satu cara yang barangkali positif ialah untuk mendapatkan saluran yang lain kepada negara-negara yang lain yang mana yuran dan sebagainya tidak berapa tinggi kalau dibandingkan dengan Britain itu. Ini satu phenomonon yang mana kita tidak dapat elakkan dan cuma boleh dapat berikhtiar cara-cara dan jalan-jalan supaya masa yang akan datang kita akan dapat mengadakan alternative supaya perkara ini tidak menimbulkan kesusahan kita dengan berapa lama untuk tahun-tahun yang akan datang.

PERUMAHAN KEPADA PEKERJA-PEKERJA LADANG

4. Tuan Lee Kaw minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan bilangan ladang-ladang yang telah mematuhi "peraturan-peraturan perumahan-perumahan minima pekerja-pekerja" bilangan ladang-ladang yang belum lagi mematuhi peraturan tersebut dan apakah tindakan yang akan diambil terhadap pihak pengurusan ladang-ladang berkenaan.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan William Lye Chee Hien): Tuan Yang di-Pertua, daripada 1,671 buah ladang-ladang yang luasnya 10 ekar ke atas di Semenanjung Malaysia yang menyediakan perumahan kepada pekerja-pekerja mereka, 376 buah ladang-ladang telah membina atau membina semula semua rumah-rumah pekerja mereka di bawah Akta (Piawaian Minima Perumahan) Pekerja, 1966.

Baki sebanyak 1,241 ladang-ladang yang lain itu mempunyai rumah-rumah yang didirikan di bawah Akta (Piawaian Minima Perumahan) Pekerja, 1966 dan di bawah Labour Code, iaitu Undang-undang yang mengawal perumahan pekerja sebelum 1966. Rumah-rumah yang dibina di bawah Labour Code mempunyai satu tahap piawaian yang tertentu dan boleh dikekalkan di bawah Akta (Piawaian Minima Perumahan) Pekerja 1966 ini melainkan jika rumah-rumah tersebut berusia 25 tahun atau lebih atau disahkan oleh Jurutera Jabatan Kerja Raya

atau Pegawai Kesihatan, sebagai tidak layak diduduki dari segi keselamatan atau dari segi kesihatan.

Kementerian saya sedang menjalankan usaha-usaha bagi mendapatkan tuan-tuan punya ladang supaya menggantikan rumah-rumah pekerja yang dibina di bawah Labour Code dengan rumah-rumah mengikut Akta (Piawaian Minima Perumahan) Pekerja 1966. Perintah-perintah untuk merobohkan rumah-rumah yang disahkan oleh seorang Jurutera Jabatan Kerja Raya atau seorang Pegawai Kesihatan sebagai merbahaya dari segi keselamatan dan kesihatan, adalah dikeluarkan jika difikirkan perlu.

Tuan Lee Kaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sedar, Akta (Piawaian Minima Perumahan) Pekerja 1966 sehingga hari ini sudah lebih 14 tahun dikeluarkan, tetapi ada banyak ladang-ladang di seluruh negara kita belum lagi membina rumah yang baru. Saya suka mendapat tahu dari Timbalan Menteri yang berkenaan, bolehkah Kementerian memberi satu target date di mana ladang-ladang di seluruh Malaysia ini mesti membina rumah kepada pekerja-pekerja yang bekerja di ladang-ladang dan jika estet-estet tidak bekerjasama dengan Kementerian, Kementerian mesti jangan entertain, *dengan izin*, permintaan dari ladang-ladang untuk pekerja-pekerja.

Tuan William Lye Chee Hien: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Ahli Yang Berhormat itu ada sedikit salah faham di dalam Undang-Undang (Piawaian Minima Perumahan) Pekerja ini. Apa yang saya katakan tadi, di dalam 1,671 buah ladang-ladang, semua inipun mematuhi peraturan Akta ini. Jadi di bawah Akta ini tidak ada lagi ladang-ladang yang tidak mengikut undang-undang. Tetapi apa yang saya kata tadi Yang Berhormat itu ada salah faham, sebab ada juga ladang-ladang yang tidak ada memperuntukkan rumah-rumah kepada pekerja-pekerja. Hal ini adalah di luar kuasa Kementerian saya. Di bawah Akta ini Kerajaan tidak mempunyai kuasa untuk memaksa majikan-majikan ladang untuk mendirikan rumah-rumah bagi pekerja-pekerja, kecuali jika ada peruntukan di dalam Kontrak Perkhidmatan Pekerja-pekerja bahawa pihak majikan akan menyediakan rumah-rumah untuk mereka.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, sekejap tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan di antara perkara-perkara yang dipertimbangkan ialah rumah-rumah tersebut lebih umurnya 25 tahun dan tidak layak dari segi kesihatan. Soalan tambahan saya, apakah pada hari ini masih lagi kedapatan rumah-rumah di estet-estet untuk pekerja-pekerja tersebut yang berumur lebih daripada 25 tahun dan tidak layak dari segi kesihatan. Kalau ada, apakah tindakan pihak Kementerian beliau?

Tuan William Lye Chee Hien: Tuan Yang di-Pertua, tadi ada saya katakan iaitu Kementerian saya sedang berusaha supaya mendapat bukan sahaja tuan-tuan punya ladang itu mendirikan rumah tetapi juga memperbaiki rumah-rumah. Sebab itu di bawah Akta (Piawaian Minima Perumahan) Pekerja, 1966 tindakan boleh diambil oleh Kementerian saya menyuruh majikan-majikan untuk memperbaiki rumah-rumah itu.

RUMAH MURAH KEPADA BUMIPUTRA

5. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah Kementerianya sedar bahawa berhubung dengan Kos Pemberian 30% yang diperuntukkan kepada bumiputra untuk memiliki rumah murah, tetapi selepas tempoh 2 tahun, jika bumiputra tiada dapat membelinya akan diberi kuasa kepada Pemaju Perumahan untuk dijual kepada orang bukan Bumiputra. Jika sedar adakah Kerajaan bercadang supaya rumah-rumah itu dijual kepada pihak Perbadanan Negeri dan akan disewakan kepada Bumiputra.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Dr Neo Yee Pan): Tuan Yang di-Pertua, saya kurang jelas dengan maksud soalan Ahli Yang Berhormat oleh kerana dari pengetahuan saya Kerajaan tiada memberi apa-apa kos pemberian sebanyak 30% kepada bumiputra. Juga tempoh untuk melepaskan rumah-rumah yang diperuntukkan kepada bumiputra selama 2 tahun, ini juga satu kenyataan yang tidak dapat dipastikan.

Sekiranya Ahli Yang Berhormat bermaksud dalam soalnya itu bahawa 30% unit rumah yang dibina oleh pemaju swasta adalah dijual kepada bumiputra, pada

umumnya hampir semua negeri ada mengenakan syarat ini. Di samping itu, kebanyakan negeri juga mengenakan syarat 30% rumah yang dibina oleh pemaju swasta mestilah berbentuk rumah murah.

Tetapi mengenai tempoh masa rumah yang dikhaskan untuk dijual kepada bumiputra, pada umumnya, tempoh masa yang diberi ialah 6 bulan dan selepas itu pemaju swasta perlulah mendapatkan kebenaran dari Kerajaan Negeri untuk menjualkan rumah-rumah tersebut kepada bukan bumiputra. Kerajaan Negeri menggunakan budibicaranya untuk memanjangkan tempoh rumah tersebut dijual kepada bumiputra atau sebaliknya. Pada umumnya rumah untuk dijual kepada bumiputra adalah diserahkan kepada Perbadanan Kerajaan Negeri untuk menguruskan penjualannya.

Mengenai soalan Ahli Yang Berhormat sama ada Kerajaan bercadang supaya rumah-rumah tersebut dijual kepada Perbadanan Kemajuan Negeri dan seterusnya disewakan kepada bumiputra, buat masa ini Kerajaan belum lagi ada cadangan sedemikian. Walau bagaimanapun, Kementerian saya boleh mengambil ingatan atas perkara ini.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara rumah-rumah yang disimpan bagi bumiputra itu, dapatkah Kementerian Yang Berhormat ini membuat satu peraturan yang berseragam supaya tiap-tiap negeri dapat mengikuti peraturan-peraturan yang sama?

Dato' Dr Neo Neo Yee Pan: Tuan Yang di-Pertua, akan dipertimbangkan.

Dato' Haji Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berapa jelas mendengar penjelasan yang baru ini, dan saya hendak bertanya, kalau ada negeri-negeri yang memperuntukkan lebih daripada 30%, umpamanya 40% atau 50% kepada bumiputra, adakah Kementerian berkuasa melarang peraturan yang dibuat oleh negeri-negeri?

Dato' Dr Neo Yee Pan: Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini kita serahkan kepada Kerajaan Negeri oleh sebab Kerajaan Negeri adalah berkuasa untuk memberi kuasa mengubah syarat dan pecah tanah sempadan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:
Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 6.

NELAYAN DAN PENGGUNA— PERANAN ORANG TENGAH

6. Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau bercadang hendak menghapuskan sama sekali peranan orang tengah yang memeras dan mengancam pendapatan dan tenaga kaum nelayan dan pengguna-pengguna. Jika tidak, jelaskan mengapa dan apakah langkah-langkah Kerajaan selanjutnya bagi menjamin kaum nelayan dan pengguna-pengguna di negara ini tidak diperas dan diperalatkan oleh orang tengah.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Haji Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin): Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah negara yang demokratik, Malaysia mengamalkan dasar enterprise bebas (*free enterprise*) dalam bidang perniagaan. Oleh yang demikian, Kerajaan tidak bercadang untuk membuat suatu dasar bagi menghapuskan sama sekali peranan orang tengah. Walau bagaimanapun, Kerajaan sedar di atas keperluan untuk mengambil tindakan untuk memastikan supaya orang tengah tidak terlampau sangat dalam usaha mereka mencari keuntungan yang berlebihan.

Dalam hal ini Kerajaan melalui Majuikan sedang giat berusaha dalam pemasaran ikan dengan tujuan untuk memastikan supaya nelayan dapat memperolehi harga yang berpatutan atas hasil tangkapan mereka dan di samping itu pengguna-pengguna dapat membeli ikan dengan harga yang lebih stabil dan berpatutan. Bagi tujuan ini Kerajaan telah memperuntukkan wang sebanyak \$13 juta sebagai modal untuk membolehkan Majuikan menjalankan perniagaan ikan secara langsung di semua peringkat pemasaran iaitu dari peringkat ikan didaratkan, di peringkat borong dan seterusnya di peringkat runcit. Kerajaan melalui Majuikan juga melaksanakan skim kawalan pemasaran ikan di beberapa pasar borong utama seperti di Kuala Lumpur, Ipoh, Johor Bahru, Alor Setar dan Kuala Trengganu untuk mengawal kegiatan dan amalan peniaga-peniaga ikan khususnya pemborong ikan kerana untuk menjaga kepentingan nelayan dan pengguna.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan menyatakan adakah projek Majuikan untuk meninggikan taraf kaum nelayan meliputi penubuhan tabung pinjaman semasa musim tengkujuh ini?

Tuan Haji Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, soal yang dibangkitkan ialah soal peranan orang-orang tengah, dan soalan ini adalah di luar daripada soalan asal, tetapi walau bagaimanapun, suka saya menyatakan bahawa kredit hendak menolong nelayan-nelayan memang ada kesannya, tetapi masalah ini bukanlah satu perkara yang senang, memang susah dan Kerajaan melalui Majuikan sedang berusaha sedaya-upaya untuk mengatasi masalah nelayan-nelayan kita dari segi untuk meninggikan pendapatan mereka, tetapi namun demikian memanglah ada bidang dan masalah yang masih tak dapat diatasi lagi. Tetapi walau bagaimanapun, Kerajaan melalui agensi yang ada akan diperkemas lagi dan cuba berikhtiar sedaya-upaya untuk meninggikan lagi pendapatan nelayan-nelayan.

Dato' Haji Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan salah satu daripada cara menolong pendapatan nelayan ialah pihak Majuikan mengadakan pasaran secara terus di seluruh daerah, saya ucapkan syabas. Tetapi adakah beliau sedar di tempat-tempat yang sudah sedia ada Majuikan, pukul 7.00 pasar itu dibuka pukul 10.00 pagi sudah habis ikannya dan petang sudah tidak ada ikan. Dengan sebab itu, terpaksa orang ramai pergi membeli ikan ke tempat yang mahal. Jadi, dapatkah Yang Berhormat Menteri mengarahkan pihak Majuikan di daerah supaya jangan dibuka satu dua jam sahaja; kalau boleh dibuka daripada pagi sampai petang. Itu saya minta penjelasan.

Tuan Haji Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar perkara ini berlaku. Walau bagaimanapun, perkara ini akan disiasat dan sekiranya perkara ini ada berlaku, maka tindakan-tindakan akan diambil untuk mengatasi masalah yang mungkin timbul daripada perkara ini.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri

sama ada beliau sedar bahawa pada hari ini nelayan-nelayan kita kerap kali terperangkap ke dalam perangkap-perangkap yang dipasang oleh orang-orang tengah oleh kerana pendapatan mereka pada musim tengkujuh begitu kecil sekali dan perkara ini bukan sahaja berlaku kepada penangkap ikan tetapi juga penanam padi misalnya padi kunca. Jadi saya ingin bertanya kepada beliau apakah peranan yang akan dimainkan oleh Majuikan untuk memastikan bahawa nelayan-nelayan kita ini tidak akan jatuh ke perangkap yang dipasang oleh orang tengah itu dalam musim-musim tengkujuh.

Tuan Haji Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar bahawa ada perkara semacam ini berlaku dan beberapa tindakan sedang diambil dan satu daripadanya ialah untuk mencari pekerjaan-pekerjaan sambilan selain daripada tangkapan ikan di waktu musim tengkujuh di mana mereka mungkin tidak dapat menangkap ikan. Kerja-kerja itu kadangkala ada kita sediakan untuk mereka membuat sawah padi di setengah tempat kita ajar mereka kerja-kerja kemahiran dan sebagainya. Jadi tindakannya ialah untuk mendatangkan pendapatan, punca lain daripada menangkap ikan semasa musim tengkujuh dan dengan itu kita dapati kesan-kesan yang baik daripada projek yang telah kita buat kita dapati bahawa nelayan-nelayan kita tidak lagi jatuh ke perangkap orang-orang tengah itu di waktu musim tengkujuh.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa Kerajaan tidak berniat untuk menghapuskan peranan orang tengah, di samping itu Kerajaan juga, berusaha untuk mengelakkan daripada penindasan mereka terhadap nelayan-nelayan dan juga petani. Saya ingin dapat tahu daripada Timbalan Menteri berkenaan di dalam perencanaan Kerajaan sekadar manakah batas-batas peranan orang tengah yang dikehendaki oleh Kerajaan untuk mewujudkan perimbangan di antara pengakuan terhadap adanya orang tengah dan juga untuk mengelakkan kegiatan mereka menindas nelayan-nelayan dan buruh-buruh.

Tuan Haji Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang telah saya nyatakan tadi Kerajaan tidak bercadang untuk menghapuskan sama sekali peranan ataupun adanya orang tengah,

dalam pada itu Kerajaan juga tidak mahu orang tengah itu memeras, menindas ataupun membuat keuntungan yang terlampau banyak. Jadi Kerajaan mengambil jalan tengah di dalam perkara ini kerana peranan yang dimainkan oleh orang tengah itu perlu, seumpama dalam soal ikan ini peranan mereka adalah menolong nelayan-nelayan dari segi mereka memasar dan menjualkan tangkapan-tangkapan ikan itu. Jadi asalkan peranan mereka itu tidak menindas dan tidak mengambil keuntungan yang berlebihan, kita mengakui bahawa orang tengah ada peranannya dan kita menerima peranan orang tengah itu kerana kita menerima bahawa peranan orang tengah itu: ada di dalam soal pemasaran ikan. Apa yang kita hendak jaga ialah kemungkinan ada sebahagian daripada orang-orang tengah itu yang mungkin cuba hendak mendapat keuntungan berlebihan dan oleh sebab itu melakukan perkara-perkara yang tidak baik. Maka dalam hal ini jika kita dapati dan dapat mengesan maka kita akan bersaing dengan orang-orang tengah itu supaya peranan mereka itu dapat kita patahkan. Jadi bukan semua orang tengah yang tidak bertanggungjawab, sebahagian besar orang tengah yang bertanggungjawab dan mereka memainkan peranan yang penting tetapi yang kita hendak jaga yang kita hendak awasi ialah kalau ada orang tengah yang memainkan peranan yang tidak baik dengan tujuan untuk mendapat keuntungan yang berlebihan yang tak patut.

SEKOLAH MENENGAH PADANG SERAI—PEMBINAAN

7. Tuan Lim Kiam Hoon minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa projek membinakan Sekolah Menengah Padang Serai yang bernilai \$572 000 yang mana peruntukannya telahpun diluluskan oleh Kementerian ini dalam tahun 1978 yang mengandungi 12 bilik darjah dan peralatan masih belum dilaksanakan lagi bagi menampung pertambahan pengambilan penuntut di Sekolah Menengah Padang Serai yang ada sekarang.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran sedar di atas kelambatan pembinaan Sekolah Menengah Padang Serai tetapi ia adalah atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan kerana setakat ini tapaknya belum diperolehi lagi. Pembinaan sekolah ini adalah berkait dengan perancangan pembangunan bandar Padang

Serai keseluruhannya. Pihak Jabatan Perancang Bandar dan Desa hanya selesai menyediakan plan induk pembangunan bandar, Padang Serai pada akhir tahun 1979 dan bersamasama itu cadangan tapak sekolah seluas 20 ekar akan dapat ditentukan. Pada masa ini Kementerian Pelajaran sedang mengambil tindakan untuk mempercepatkan pengambilan tapak sekolah tersebut supaya pembinaannya dapat diteruskan.

KERAJAAN DEMOKRATIK KAMPUCHEA—PENGIKTIRAFAN

8. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) asasnya Malaysia mengiktirafkan Kerajaan Demokratik Kampuchea, memandang bahawa beberapa buah negara telah menarik balik pengiktirafan tersebut dan menyokong formula 'kerusi kosong' (vacant seat); dan
- (b) adakah Perhubungan dua hala Malaysia-India telah terancam oleh kerana India mengiktirafkan Kerajaan Heng Samrin.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kita masih terus mengiktiraf Kerajaan Demokratik Kampuchea kerana Kerajaan itu adalah sebuah Kerajaan yang sah disegi undang-undang sebelum ianya digulingkan oleh pencerobohan tentera-tentera Vietnam di Kampuchea. Sungguhpun terdapat beberapa negara telah menarik balik pengiktirafan mereka terhadap Kerajaan Demokratik Kampuchea itu, namun suara terbanyak negara-negara anggota PBB masih meneruskan lagi pengiktirafan mereka ke atas Kerajaan Demokratik Kampuchea dan mengakui sah tauliahnya di PBB. Yang menarik balik pengiktirafan tidak begitu banyak, malahan undian kepada tauliah Demokratik Kampuchea bertambah lagi pada tahun ini.

Kita tidak nampak adanya unsur keadilan di atas tindakan Vietnam menggulingkan Kerajaan Demokratik Kampuchea yang hanya berdasarkan kepada Vietnam tidak menyetujui dasar dalam negara Kerajaan Demokratik Kampuchea dan juga sebab-sebab yang

lain. Apa yang penting bagi kita ialah campurtangan tentera-tentera Vietnam di Kampuchea itu sendiri adalah bertentangan dengan prinsip-prinsip piagam Bangsa-bangsa Bersatu. Justeru itu, tindakan pengiktirafan terhadap regim Heng Samrin atau menerima formula mengosongkan kerusi Kampuchea di PBB, hanya akan membawa pengertian menyetujui pencerobohan tentera-tentera Vietnam di Kampuchea.

- (b) Kita patut membuat perbezaan, perhubungan antara ASEAN—India dengan Malaysia—India.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya mendapat tahu daripada Yang Berhormat tadi sama ada pengiktirafan yang dibuat oleh Malaysia itu juga berasaskan kepada tindakan-tindakan yang dilakukan oleh rejim yang digulingkan selepas pencerobohan oleh Vietnam yang pernah melakukan genocide, dengan izin, terhadap kaum minority muslimin di Kampuchea dahulu.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat ulang soalnya.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, bolehkah Yang Berhormat memberitahu sama ada salah satu daripada asas yang Malaysia menggunakan untuk mengiktiraf Kerajaan Demokratik Kampuchea juga adalah mengambil kira tindakan genocide yang dilakukan oleh Rejim Demokratik Kampuchea sebelum Vietnam mencerobohi negara itu terhadap kaum minority muslimin di Kampuchea.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, tidak.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Se bagaimana Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedia maklum cara Rejim Pol Pot itu digulingkan adalah sama seperti Idi Amin digulingkan di Uganda. Jadi soalan saya, adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa ada kemungkinan sokongan yang banyak diberi terhadap Rejim Demokratik Kampuchea itu bukanlah sebenar-benarnya sokongan terhadap rejim itu tetapi mungkin satu bukti bahawa ini adalah goodwill yang dipunyai oleh negara-negara ASEAN sama ada cara individu atau secara kolektif. Jika Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar perkara ini, adakah kita akan

berusaha supaya Kerajaan pimpinan Kerajaan Demokratik Kampuchea itu ditukar dari orang-orang yang ada sekarang ini yang mana telahpun dibuktikan sebagai orang-orang yang sakit otak.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita pernah tegaskan dalam Dewan ini bahawasanya perkara pokok, perkara penting ialah soal-soal campurtangan kuasa-kuasa besar atau kuasa-kuasa luar yang mana campurtangan ini bertentangan dengan piagam Bangsa-bangsa Bersatu dan prinsip Bangsa-bangsa Bersatu. Jadi sesiapa sahaja yang bercanggah dengan prinsip-prinsip ini maka pihak kita tidak pernah berganjak lagi daripada memberi tentangan hebat kepada langkah-langkah ini. Jadi soal kezaliman Pol Pot dan segala-galanya itu adalah soal lain. Kita pernah menyuarakan bahawa kita tidak merestui langkah-langkah ini, tetapi sebagaimana saya katakan tadi mencerobohi negara orang atau campur tangan hal-hal luar negara orang oleh kuasa asing, itu yang kita tentang.

Tuan Haji Hashim bin Endut: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Setiausaha Parlimen tadi di atas sebab-sebab Malaysia mengiktiraf Kerajaan Demokratik Kampuchea, teringat saya kepada satu kejadian dalam negeri kita di mana orang Kampuchea juga

Tuan Yang di-Pertua: Ini lain, apa soalan tambahannya?

Tuan Haji Hashim bin Endut: Soalan tambahannya, adakah kejadian di Batu Pahat itu datangnya daripada orang-orang Kampuchea yang pro Pol Pot atau Heng Samrin (*Ketawa*) mungkin juga

Tuan Yang di-Pertua: Ini jauh sekali daripada soalan asal. (*Ketawa*)

KES ROGOL—BILANGAN

9. Tuan Lim Cho Hock minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan kes rogol yang dilaporkan di seluruh negara bagi tahun-tahun 1978, 1979 dan 1980. Bolehkah Menteri yang berkenaan menimbangkan langkah-langkah berikut untuk mengurangkan kejadian kes tersebut:

- (a) pelajaran moral yang intensif di sekolah-sekolah;

- (b) menambahkan kawalan dan rondaan polis; dan
- (c) menambahkan lagi hukuman bagi kesalahan seperti ini.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Sanusi bin Junid): Tuan Yang di-Pertua, bilangan kes-kes rogol yang dilaporkan kepada Polis dalam tahun 1978 ialah 312 kes. Tahun 1979, 388; dan bagi tahun 1980 sehingga 31hb Oktober ialah 308 kes.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian dari angka-angka ini menunjukkan bahawa kadar bilangan kes rogol bagi tiap-tiap 100,000 penduduk ialah:

Tahun 1978 ...	2.34
Tahun 1979 ...	2.83
Tahun 1980 ...	2.18

Berkaitan tiga langkah yang disebutkan dalam soalan Ahli Yang Berhormat itu, saya memaklumkan bahawa bagi:

- (a) Pelajaran moral yang intensif di sekolah-sekolah memang sedang dilaksanakan dalam bentuk;
 - (i) pendidikan sivik yang menekankan ciri-ciri moral yang unggul berdasarkan Rukunegara.
 - (ii) matapelajaran Ugama Islam yang diajarkan kepada murid-murid yang mengikut matapelajaran tersebut; dan
 - (iii) secara tidak langsung pendidikan moral didapati melalui aktiviti ko-kurikulum seperti Persatuan, Kelab dan sebagainya.

Di samping itu Kementerian Pelajaran sedang menyediakan kurikulum pendidikan akhlak dan etika untuk murid-murid bukan Islam. Percubaan awal kurikulum ini telah dilakukan pada tahun ini bagi Darjah 1 dan Tingkatan 1 dan Darjah 3 dan Tingkatan 2 dalam tahun 1981. Kurikulum ini dijangka akan dapat dilaksanakan di sekolah-sekolah sama ada serentak ataupun berperingkat mulai tahun 1983.

- (b) Rondaan dan pemerhatian Polis adalah selalunya ditambah di tempat-tempat yang sering berlakunya jenayah termasuk kes-kes rogol.

- (c) Pada masa ini Kerajaan tidak ada apa-apa cadangan bagi menambahkan lagi hukuman bagi kesalahan rogol kerana mengikut peruntukan undang-undang yang sedia ada seseorang yang sabit kesalahannya boleh dikenakan hukuman penjara selama 20 tahun dan didenda atau boleh juga dikenakan hukuman sebat.

Tuan Lim Cho Hock: Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap tahun lebih kurang 300 kes rogol ada dilaporkan, maknanya satu hari satu kes (*Ketawa*) dan saya mahu tahu berapa per cent kes-kes itu tiap-tiap tahun dapat diselesaikan dan adakah Kementerian puas hati terhadap cara-cara siasatan dari Polis.

Tuan Sanusi bin Junid: Bagi tahun 1978, 312 kes; 142 selesai. Bagi tahun 1979, 388 kes; yang sudah selesai 166. Bagi tahun 1980 hingga 31hb Oktober, 308; yang sudah selesai 103 kes. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui Pasukan Polisnya bertindak menangkap orang-orang ini dan dibawa ke pengadilan.

Soal puas tidak puas, cepat tidak cepat, selesai tidak selesai bukanlah di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Dato' Haji Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri beratus juga kes rogol ini. Jadi soalan saya adakah dalam maklumat Kementerian atau maklumat Yang Berhormat, daripada 300 kes rogol ini adakah yang berhasil dan kalau ada yang berhasil di manakah ditempatkan hasilnya?

Tuan Sanusi bin Junid: Tuan Yang di-Pertua, minat saya dalam kes rogol ini tidaklah sedalam itu (*Ketawa*), dan saya memerlukan notis kalau hendak tahu sama ada berhasil atau tidak (*Ketawa*).

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah beliau sedar bahawa kes rogol ini kaitannya dengan kes nafsu dan juga kes membrahikan. Oleh itu, adakah pihak Kementerian bercadang untuk melarang ataupun mengadakan undang-undang ataupun boleh mengadakan denda kepada wanita atau sesiapa yang memakai pakaian yang menaikkan nafsu, misalnya, cheongsam ataupun bare-back

yang boleh memberahikan, terutama kepada kakitangan Kerajaan walaupun mereka itu di luar pejabat?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini merupakan bertanyakan fikiran dan itu dilarang oleh Peraturan Mesyuarat 23 (1) (h).

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri perbandingan penduduk Malaysia sebanyak lebih kurang 13 juta, sama ada kes-kes rogol yang telahpun disebutkan oleh beliau tadi sebanyak 300 lebih kes, adakah peratus ini tinggi dibandingkan dengan lain-lain negara yang membangun seperti Amerika, Jerman dan juga England?

Tuan Sanusi bin Junid: Tuan Yang di-Pertua, dari kajian yang saya dapat tahu jumlah peratus kes bagi 100,000 penduduk di negara kita adalah antara yang paling rendah di dalam kawasan Asia Pasifik.

PERTUBUHAN YANG MENGANCAM KESELAMATAN NEGARA

10. Tuan Awang bin Jabar minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian-nya bagi mengelakkan perpecahan dalam masyarakat ekoran dari issue kafir mengkafir dan yang berkaitan dengannya.

Tuan Sanusi bin Junid: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan sentiasa mengawasi kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh orang perseorangan atau golongan-golongan atau pertubuhan-pertubuhan yang mengancam keselamatan negara. Bagi mereka yang menjalankan kegiatan-kegiatan yang bertentangan dengan undang-undang yang ada, mereka akan, jika didapati bersalah, dihukum se-tempal dengan peruntukan yang ada dalam undang-undang yang berkenaan.

IKATAN RELAWAN RAKYAT MALAYSIA (RELA)—PENYUSUNAN

11. Tuan Haji Ibrahim bin Muhammad minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sejauh manakah penyusunan baru terhadap Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA) telah dilaksanakan, dan apakah rancangan baru Kementerian ini terutama sekali bagi menjadikan supaya setiap anggota RELA terdiri daripada mereka yang seratus peratus penyokong Kerajaan.

Tuan Sanusi bin Junid: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedang mengkaji idea-idea baru terhadap Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA) untuk membolehkan orang awam melibatkan diri di dalam pasukan ini dengan lebih berkesan.

Bagi menjamin keselamatan dan pertahanan negara, semua warganegara perlu menjalankan peranan masing-masing. Mereka yang berumur di antara 18 tahun hingga 55 tahun yang diakui tanpa rekod jenayah dan kegiatan-kegiatan anti-nasional dan juga mempunyai fikiran waras adalah layak dipertimbangkan untuk menjadi ahli RELA atau RELAWATI.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan, nampaknya Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak menjawab soalan ini sama ada benar bahawa setiap anggota RELA yang terdiri daripada mereka yang 100% penyokong Kerajaan, sama ada itu benar atau tidak benar, dan kalau benar, adakah ini bererti bahawa mereka mesti menjadi anggota Barisan Nasional dahulu sebelum menjadi RELA. Bolehkah satu jawapan yang tepat diberikan?

Tuan Sanusi bin Junid: Walaupun pada masa seseorang itu masuk menjadi ahli RELA dia tidak semestinya menyokong Kerajaan, tetapi pengalaman membuktikan setelah mereka mengetahui ancaman-ancaman kepada keselamatan negara, mereka umumnya menjadi penyokong Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 12 hingga 19 adalah diberi di bawah ini).

LEBUHRAYA JERANGAU/JABOR

12. Tuan Alias bin Md. Ali minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sama ada beliau sedar banyak kerosakan berlaku pada Lebuhraya Jabor/Jerangau sebaik sahaja jalan itu diserahkan kepada JKR. Nyatakan sebab-sebab kerosakan tersebut dan tindakan yang telah diambil ke atas kontraktor yang berkenaan serta langkah-langkah memperbaiki Lebuhraya tersebut.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' S. Samy Vellu): Kementerian saya sedar bahawa terdapat banyak

kerusakan pada Lebuhraya Jerangau/Jabor dan kerja-kerja memperbaiki masih dijalankan oleh kontraktor berkenaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lebuhraya tersebut masih belum lagi diserahkan kepada pihak JKR.

Kerosakan tersebut mungkin disebabkan oleh kecacatan yang berlaku semasa peringkat pembinaan atau sebab yang di luar jangkaan yang tidak dapat dielakkan. Pihak konsultan sedang menjalankan kajian untuk mencari sebab-sebabnya. Sekiranya disebabkan oleh kecacatan yang berlaku semasa peringkat pembinaan, kerja-kerja membaiki akan ditanggung oleh pihak kontraktor. Jika kerosakan disebabkan oleh perkara-perkara yang di luar jangkaan JKR akan membaikinya sendiri atau secara kontrak nanti.

LAPANGAN TERBANG TAIPING

13. Tuan Haji Hashim bin Haji Ghazali minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada beliau sedar Lapangan Terbang Taiping pada masa ini hanya digunakan oleh kapal terbang Tentera Udara Di Raja Malaysia sahaja, jika sedar, adakah beliau bercadang supaya lapangan terbang tersebut diambil alih oleh Kementerian Pertahanan dan diperbesarkan lagi.

Menteri Pertahanan (Dato' Hussein Onn): Lapangan Terbang Taiping bukanlah digunakan oleh pihak TUDM sahaja. Pihak awam juga menggunakan lapangan tersebut. Jabatan Penerbangan Awam, Kementerian Pengangkutan telahpun membuat rancangan untuk memperbesarkan lagi lapangan itu. Pembesaran ini juga disebabkan oleh Perkhidmatan luar bandar (rural service) oleh MAS yang akan diadakan kelak. Oleh hal yang demikian, Kementerian Pertahanan tidak ada rancangan untuk mengambil alih lapangan tersebut.

KEKURANGAN GULA

14. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sebab-sebab sebenarnya yang menyebabkan kekurangan gula di pasar dan sama ada serbuan di buat oleh pihak penguatkuasa atas kilang-kilang gula yang telah dituduh enggan menjual gula atau mengurangkan jualan gula kepada pekedai-pekedai.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Sri Dr Mahathir bin Mohamad): Soalan ini adalah hampir sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjung pada 14hb Oktober, 1980 dan juga soalan dari Ahli Yang Berhormat dari Tumpat pada 23hb Oktober, 1980 yang mana saya telah memberi jawapannya. Saya tiada apa-apa tambahan untuk jawapan itu.

PENUBUHAN YAYASAN PENGAJIAN TINGGI

15. Tuan Abdul Rahman bin Daud minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerian beliau merestui usaha akhir-akhir ini untuk menubuh yaysan-yaysan pengajian tinggi untuk mengimbangkan semua kaum di Malaysia.

Menteri Pelajaran (Dato' Musa bin Hitam): Soalan Yang Berhormat itu tidak sebegitu jelas. Adakah Yang Berhormat maksudkan institusi-institusi pengajian tinggi yang menjalankan pengajaran kursus-kursus dengan tujuan memberi ijazah atau diploma? Jika ia, Kementerian memang tidak menggalakkan penubuhan institusi-institusi ini melainkan institusi-institusi yang dianjurkan dan dibiayai oleh Kerajaan. Jika Yang Berhormat maksudkan yaysan-yaysan yang ditubuhkan oleh pihak-pihak luar Kerajaan, yaysan-yaysan ini adalah hanya badan-badan yang memberi bantuan kepada pelajar-pelajar dan tidak menalakan pengajaran atau kursus-kursus, umpamanya Yayasan Tunku Abdul Rahman. Baru-baru ini ada cadangan untuk menubuhkan Yayasan Anglo-Malaysia dengan tujuan memberi bantuan kewangan dan sebagainya kepada pelajar-pelajar yang mengalami kesempitan, disebabkan kenaikan yuran di United Kingdom. Kerajaan tidak ada halangan atas penubuhan yaysan ini kerana tujuannya adalah baik dan meringankan beban Kerajaan.

UJIAN BAHASA MALAYSIA TERHADAP PEMOHON TUA—KELONGGARAN

16. Tuan Hiew Nyuk Yin minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada Menteriannya akan menimbang untuk melonggarkan ujian bahasa untuk pemohon-pemohon yang tua dan lanjut usianya serta tidak berupaya untuk menguasai Bahasa Malaysia apatah lagi menulis dan membaca.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Mohammad Ghazali bin Shafie): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua pemohon-pemohon kewarganegaraan yang diwajibkan lulus ujian bahasa adalah dikehendaki menjalani dan lulus ujian tersebut tidak kira umur dan keupayaan bahasa seseorang, kerana ujian bahasa adalah merupakan salah satu daripada syarat-syarat yang termaktub dalam Perlembagaan dan yang mesti dipenuhi sebelum melayakkan seseorang mendapatkan kewarganegaraan.

Oleh itu, Kementerian tidak berhajat untuk melonggarkan ujian tersebut atas alasan pemohon-pemohon telah tua dan lanjut usia.

PERUNTUKAN KEPADA PENJAJA/ PENIAGA-PENIAGA KECIL

17. Tuan Haji Ikhwan bin Nasir minta Perdana Menteri menyatakan berapa banyakkah peruntukan untuk penjaja-penjaja dan peniaga-peniaga kecil dan berapa banyakkah wang telah dibelanjakan untuk projek-projek tersebut.

Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Program menyediakan kemudahan-kemudahan dan bantuan kepada peniaga-peniaga kecil ini telah dimulakan pada bulan September, tahun 1977. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, Kerajaan telah memperuntukkan kepada program ini sebanyak \$30 juta.

Pada tahun 1977 sejumlah \$8 juta telah diperuntukkan dan dari jumlah itu sebanyak \$1,090,380 (22.8%) telah dibelanjakan. Sebanyak 1,280 gerai dan 24 tapak berniaga telah dirancang dan dari jumlah ini 1,174 gerai dan kesemua 24 tapak perniagaan telah siap dibina. Juga sebanyak 125 kereta sorong dan basikal roda tiga telah dikeluarkan di bawah skim bantuan pinjaman.

Pada tahun 1978 sebanyak \$8.5 juta telah diperuntukkan dan dari jumlah ini sebanyak \$2,537,775.93 (29.9%) telah dibelanjakan. Sebanyak 1,153 gerai dan 31 tapak berniaga telah dirancang dan dari jumlah ini sebanyak 964 gerai dan kesemua 31 tapak berniaga telah siap dibina. Juga sebanyak 247 kereta sorong dan basikal roda tiga dan 42 motosikal telah dikeluarkan di bawah skim bantuan pinjaman.

Untuk tahun 1979, sebanyak \$12,010,000.00 telah diperuntukkan dan dari jumlah ini sebanyak \$6,127,979.42 (51.02%) telahpun dibelanjakan. Sebanyak 4,146 gerai dan 36 tapak berniaga telah dirancang dan daripada ini sebanyak 2,794 gerai dan 32 tapak berniaga telah siap dibina. Juga sebanyak 298 kereta sorong dan 105 motosikal telah dikeluarkan di bawah skim bantuan pinjaman.

Pada keseluruhannya, sejak bulan September, 1977 hingga Disember, 1979, sejumlah \$9,844,050.69 telah dibelanjakan bagi membina sebanyak 4,932 gerai, 107 tapak berniaga dan memberi bantuan pinjaman membeli sebanyak 670 kereta sorong/basikal roda tiga dan 147 motosikal untuk tujuan berniaga.

Seterusnya bagi tahun 1980 ini. Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak \$13,280,000.00 kepada program ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemberian kemudahan dan bantuan ini tidak dibuat secara tunai.

INSTITIUT KOMPUTER NEGARA PENUBUHAN

18. Tuan Peter Paul Dason minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang menubuhkan sebuah instituit sains komputer untuk menjalankan kursus untuk personnel komputer, jika ya, beri butir-butir lanjut.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat penubuhan Instituit Komputer Negara adalah satu cadangan yang telah dibincangkan di dalam Seminar Komputer yang dianjurkan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia (MAMPU) pada 23hb dan 24hb September, 1980. Cadangan ini dibuat memandangkan bahawa terdapat kekurangan kemudahan-kemudahan latihan bagi personnel komputer pada masa sekarang dan keperluan negara bagi personnel komputer yang mencukupi, bukan sahaja dari segi bilangan tetapi juga dari segi kemahiran dan kualitinya. Walaupun Kerajaan belum lagi membuat kedua-dua keputusan mukamad ke atas cadangan tersebut, butir-butir lanjut berkaitan dengan cadangan ini sedang dikaji dan dihalusi dengan lebih mendalam oleh sebuah Jawatankuasa di Jabatan Perkhidmatan Awam.

SARUNG DAN TUDUNG KEPALA PAKAIAN SEKOLAH

19. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerian bercadang supaya murid-murid perempuan di sekolah menengah memakai sarung dan bertudung sebagai pakaian seragam sekolah.

Dato' Musa bin Hitam: Kementerian saya tidak bercadang menjadikan sarung dan tudung kepala sebagai pakaian seragam sekolah bagi murid perempuan sekolah menengah.

Tetapi murid perempuan sekolah menengah yang beragama Islam boleh memilih untuk memakai baju kurung dan sarung, mengikut warna uniform biasa, dan kain tudung kepala berbentuk mini telekung putih berukuran sesuai dengan murid yang memakainya.

USUL

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum Ahli Yang Berhormat dari Jelutong mengemukakan cadangannya untuk menangguhkan Dewan ini bagi membincangkan perkara yang penting dan tertentu serta bagi kepentingan orang ramai, saya suka menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat dan Ahli Yang Berhormat yang lain-lain iaitu pada amalan yang telah dijalankan sebelum daripada ini pihak Yang di-Pertua membenarkan Ahli Yang Berhormat yang mencadangkan penangguhan Dewan ini bagi membincangkan perkara yang tertentu bagi kepentingan orang ramai dan perlu disegerakan iaitu membaca kenyataannya yang telah diserahkan kepada Yang di-Pertua itu. Amalan ini iaitu yang sudah membenarkan Ahli-ahli Yang Berhormat pada masa-masa yang lalu membaca seluruh kenyataannya itu bukan sahaja sudah menarik ramai Ahli-ahli Yang Berhormat menggunakan Perkarat 18 (1) ini bahkan terlalu ramai menggunakan peluang ini dan boleh dikatakan menyalahgunakan peruntukan yang ada di dalam Peraturan Mesyuarat 18 (1) itu.

Dalam House of Commons juga perkara ini ada berlaku iaitu kalau di Dewan Rakyat ini Fasal 18, di House of Commons Fasal 9

di dalam Standing Orders, House of Commons. Pagi tadi saya mendapat kenyataan daripada Ahli Yang Berhormat dari Jelutong untuk mengemukakan satu cadangan untuk menangguhkan Dewan ini di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (1). Saya dapati di House of Commons juga ada berlaku seperti ini dan saya bacakan sedikit petikan daripada buku bernama "The Office of Speaker" oleh Philip Launde :

"Attempts to move the adjournment of the house in terms of Standing Order 9 are frequently made but very infrequently allowed. They normally follow a ministerial statement or answer to a private notice/question. The ever-expanding volume of parliamentary business has forced the Chair over the years to place an increasingly rigid interpretation on the conditions in which a special adjournment motion on grounds of urgency can be allowed."

Jadi pengalaman saya di sini begitu juga iaitu digunakan Peraturan Mesyuarat 18 (1) ini, dibacakan kenyataan ini dan sekiranya ditolak oleh Yang di-Pertua maka tidak ada peluang pihak Kerajaan atau mana-mana pihak untuk menjawab atau menjelaskan. Jadi ini perkara tidak adil berlaku di dalam keadaan seperti ini dan di dalam kenyataan yang diserahkan kepada saya pagi tadi ada juga mengandungi hujah-hujah yang boleh digunakan alasan sebagai berbahas; bukan satu kenyataan atau statement of fact sahaja.

Dengan sebab itu mulai dari sekarang siapa juga Ahli Yang Berhormat hendak menggunakan peluang menangguhkan sidang Dewan ini bagi perkara yang tersebut di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (1) tidak akan dibenarkan membaca seluruhnya tetapi hanya untuk menyebutkan hasrat mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan. Tetapi kepada Yang di-Pertua hendaklah diserahkan seberapa panjang yang boleh untuk mempengaruhi Yang di-Pertua bahawa perkara ini adalah perkara tertentu (definite), perkara ini bagi kepentingan orang ramai (public interest) dan perkara ini patut disegerakan (urgent).

Jadi sekarang saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Jelutong membaca paragraph 1 dan 2 sahaja. Sila!

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, itu tidak patut oleh kerana tujuannya saya hendak memberitahu kepada Ahli-ahli dalam Dewan ini

apa yang terjadi di Pulau Pinang. Kalau saya baca

Tuan Yang di-Pertua: Sabar dahulu Yang Berhormat. Duduk dahulu Yang Berhormat bukan sahaja boleh baca ini, boleh lebih daripada itu jika usul ini tidak ditolak yang pertama oleh Yang di-Pertua, yang kedua jika diizinkan oleh Majlis. Waktu itu boleh berbahas lebih panjang daripada itu. Ini hanya meminta izin supaya boleh dibawa usul ini. Itu sahaja, dan berlainan dengan Peraturan Mesyuarat 49 iaitu berkenaan dengan Private Members' Bills. Itu memang ada dis but boleh menyatakan sekali perkara-perkara yang besar dan tujuannya iaitu object dan main featuresnya. Dua paragraph tadi saya benarkan.

Tuan Karpal Singh: Pertama dan kedua, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Yang pertama dan kedua.

Tuan Karpal Singh: Itu tidak cukup, Tuan Speaker, statement saya ada di dalam para 3 dan 4.

Tuan Yang di-Pertua: Sabar! Saya sudah baca; yang hendak menentukan sama ada ditolak atau tidak, saya dahulu. Jadi baca yang bersangkutan.

Tuan Karpal Singh: Ini tidak patut tetapi mengikut juga apa yang Tuan Speaker cakap.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya sudah jelaskan semua in the House of Commons berlaku begitu juga. Banyak tempat.

Tuan Karpal Singh: Apa yang Tuan Speaker baca tadi, bukan tidak boleh baca semula, boleh baca barangkali ringkas.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau hendak baca, baca paragraph satu dan dua. Teruskan baca satu dan dua.

Tuan Karpal Singh: Jadi apa yang jadi di Pulau Pinang serupa juga di sini sekarang. Sana pun tidak boleh cakap

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak tahu apa yang berlaku di Pulau Pinang. Saya sekarang mengikut peraturan ini, saya membenarkan membaca paragraph satu dan dua.

Tuan Karpal Singh: Tidak patut, Tuan Speaker, tetapi saya baca

Tuan Yang di-Pertua: Macam mana?

Tuan Karpal Singh: Tidak patut, tetapi saya baca juga.

Tuan Yang di-Pertua: Itu bagus.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, menurut Peraturan 18 (2) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, saya meminta izin mencadangkan Dewan yang mulia ini ditangguhkan dengan tujuan membincangkan satu perkara tertentu yang berkehendak disegerakan dan ada berkaitan dengan kepentingan orang ramai, dan usul saya adalah seperti berikut:

“Bahawa Dewan yang mulia ini menurut 18 (2) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat membenarkan saya untuk menangguhkan Dewan yang mulia ini dengan tujuan membincangkan satu perkara tertentu berkenaan dengan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan iaitu kenyataan-kenyataan Yang Mulia Tengku Razaleigh Hamzah, Menteri Kewangan Malaysia.”

Tuan Yang di-Pertua: Cukup!

Tuan Karpal Singh: Jadi atas kenyataan itu

Tuan Yang di-Pertua: Itu kerja saya—duduk!

Tuan Karpal Singh: Jangan cakap lebih kurang, beri saya satu peluang (*Disampuk*).

Tuan Yang di-Pertua: Duduklah!

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker ada di sini—tidak payah ada Tuan Speaker di sana—tahu!—satu cukup (*Disampuk*).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagaimana saya jelaskan tadi, saya telah terima kenyataan ini daripada Yang Berhormat dari Jelutong pagi tadi dan saya telah membuat penyiasatan, itu sebabnya kepada Yang di-Pertua mesti diberi dengan sepenuhnya kerana Yang di-Pertua hendak mengambil satu keputusan sama ada perkara ini perkara tertentu atau tidak. Perkara ini bagaimana disebutkan di sini satu daripadanya tertentu, yang satu lagi, saya sendiri dalam penyiasatannya belum mendapat perkara itu tertentu atau tidak, kerana ucapan itu sekarang telah diadukan kepada polis dan polis masih menyiasat. Jadi perkara ini

belum tahu tertentu atau tidak. Hanya satu ucapan sahaja iaitu menyerahkan wang sebanyak \$600,000 untuk pembangunan dan mendirikan sekolah, yang itu tertentu, kerana ada dalam Anggaran Perbelanjaan.

Kemudian berkenaan dengan patut disegerakan atau tidaknya, ini boleh dianggap kalau perkara ini menyentuh keseluruhan orang ramai, maka perkara itu boleh dianggap kepentingan orang ramai tetapi dalam konteks yang ada ini kepentingan orang ramai itu tidak dapat dipenuhi dan ketiga, sama ada perkara itu segera dilakukan iaitu dengan menangguhkan sidang Dewan ini untuk membincangkan perkara ini, maka saya tidak nampak perkara itu ada unsur-unsur yang patut disegerakan perkara ini sehingga ditangguhkan Dewan ini. Oleh sebab itu, saya tidak puas hati yang kenyataan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong ini mengandungi tiga (*Disampuk*) Jangan ganggu Chair tengah bercakap, jangan ganggu Pengerusi tengah bercakap. Saya tidak puas hati ada menandakan (*Disampuk*) Saya tengah bercakap—kalau sekali lagi, saya tidak benarkan Ahli Yang Berhormat duduk di tempat itu. Ini mengganggu fikiran saya, saya bukan membaca, ini mengganggu perjalanan fikiran saya. Kalau tidak puas hati, ambil tindakan lain di bawah Standing Orders. Oleh sebab itu, saya tidak puas hati yang kenyataan ini ada cukup syarat-syarat yang dikehendaki oleh Fasal 18 (2) itu. Oleh sebab itu, saya tolak (*Tepuk*).

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1981

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1981

Jawatankuasa

Aturan Urusan mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1981 dan Anggaran Pembangunan, 1981 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (Hari Kesepuluh).

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*).

Tuan Pengerusi: Majlis ditangguhkan pada petang semalam dan disambung hari ini sedang menimbangankan Anggaran Perbelanjaan di bawah Maksud B. 31 dan Pembangunan P. 31 Kementerian Pelajaran. Sekarang saya buka untuk perbincangan dan tiap-tiap seorang saya hanya dapat membenarkan 10 minit sahaja. Ahli Yang Berhormat dari Ulu Selangor.

Maksud B. 31 (Jadual)—

Maksud P. 31 (Anggaran Pembangunan 1981)—

3.46 ptg.

Dato' Michael Chen Wing Sum (Ulu Selangor): Tuan Pengerusi, hanya dua perkara yang saya hendak kemukakan di sini. Yang pertama di bawah P. 31, Butiran 7 mengenai Latihan Guru.

Kita telah pada akhirnya mengimport 200 guru dari United Kingdom untuk memperbaiki mutu bahasa Inggeris di sekolah-sekolah menengah kita. Memang ini adalah diperlukan dan mungkin banyak lagi dikehendaki. Oleh yang demikian, rancangan khas dan hebat patutlah dirancang untuk memberi latihan kepada guru tempatan untuk mengatasi objektif jangka panjang, serupa juga ada kekurangan guru-guru Cina yang mengajar bahasa Cina yang di sekolah menengah. Kerajaan patutlah memikirkan satu cara untuk mendapatkan guru-guru yang serupa ini sama ada untuk melatih mereka di negara ini atau mendapatkan mereka dari luar negeri.

Tuan Pengerusi, yang kedua di bawah P. 31, Butiran 1 dan 2. Yang Berhormat Menteri atau Timbalan Menteri mesti mengetahui dengan penuh bahawa sekolah Cina dan Tamil amat memerlukan lebih banyak lagi penyelenggaraan dan bantuan daripada Kementeriannya terutama sekolah-sekolah di kampung-kampung baru dan di estet-estet. Kebanyakan bangunan-bangunan sekolah tersebut adalah terlampau tua dan dalam keadaan yang buruk dan tidak mempunyai kelengkapan yang sempurna. Sekolah-sekolah yang menerima bantuan penuh bukan milik Kerajaan mesti diperuntukkan pemberian modal penuh. Saya memikirkan bahawa Kerajaan mestilah memperuntukkan bantuan yang sama kepada semua jenis sekolah walaupun tanah itu bukan kepunyaan milik Kerajaan. Lembaga Pengurusan Sekolah telah

memberi kebenaran kepada Kerajaan untuk membina sekolah dan menggunakan tanah-tanah itu untuk selama-lamanya. Saya berharap bahawa Kerajaan akan memberikan perhatian dan penyelarasan kepada kedua-dua masalah ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Tanah Merah.

3.52 ptg.

Tuan Hussein bin Mahmood (Tanah Merah): Tuan Pengerusi, saya ingin menyenutuh B. 31, Butiran 1100, Program (1) (a) Pengurusan Pelajaran Rendah dan Menengah.

Tuan Pengerusi, akhir-akhir ini kita dapati banyak kemudahan-kemudahan disediakan untuk sekolah-sekolah dan begitu juga guru-guru telahpun mencukupi kerana berbagai dasar dan perlaksanaan dasar dijalankan oleh pihak Kementerian dan Jabatan Pelajaran di tiap-tiap negeri. Dalam pada itupun, masih kedapatan lagi ramai murid-murid yang tidak dapat membaca, menulis dan mengira setelah mereka tamat sekolah rendah.

Selaras dengan perakuan 2 (a) Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Perlaksanaan Dasar Pelajaran pada tahun 1979, saya mencadangkan sementara menunggu keputusan kajian sebuah Jawatankuasa akan dibuat ke atas Laporan Jawatankuasa Kabinet tersebut, boleh jadi tahun depan atau dua tahun daripada sekarang maka pihak Kementerian Pelajaran hendaklah mengadakan langkah yang segera mengeluarkan arahan-arahan kepada sekolah-sekolah rendah yakni kepada guru-guru yang mengajar Darjah I dan Darjah II supaya matlamat semua matapelajaran-matapelajaran yang diajarkan itu hendaklah ditujukan ke arah 3M—membaca, menulis dan mengira.

Perkara ini, Tuan Pengerusi, telahpun saya sebutkan secara sepintas lalu pada tahun lepas dalam Belanjawan tahun 1980 tetapi nampaknya belum lagi bergerak. Oleh hal yang demikian, saya mencadangkan supaya mata pelajaran itu, pelajaran apa sekalipun maka matlamat utama ialah matlamat membaca, matlamat menulis dan matlamat mengira. Biarlah kita tinggalkan segala perkara, asalkan anak-anak kita di Darjah I, II dan III dapat membaca dan menulis. Dengan hal yang demikian, bila diadakan

Ujian Penilaian Darjah III maka matlamat Ujian Penilaian Darjah III ini hendaklah dilaksanakan ataupun bertujuan untuk menentukan sama ada anak-anak di Darjah I, II dan III ini dapat membaca, menulis dan mengira.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, dalam Laporan Jawatankuasa tersebut kita dapati juga kadar guru dan murid mungkin akan diperkecilkan bilangan murid dan diperbesarkan bilangan guru. Sementara menunggu hasil daripada kajian Jawatankuasa tersebut pihak Pengurusan Pelajaran Rendah dan Menengah B. 31, Butiran 1100 (1) (d) yang saya sebutkan tadi patut membuat langkah segera supaya diperturunkan kadar murid dan guru daripada apa yang ada sekarang kepada yang lebih baik kerana ini akan menolong anak-anak belajar terutama sekali di peringkat sekolah-sekolah rendah.

Perkara yang ketiga, Tuan Pengerusi, saya dapati pada hari ini masih banyak penekanan di setengah-setengah negeri kepada perkara-perkara yang tidak akademik. Misalnya soal-soal sukan, soal-soal kebudayaan dan soal-soal yang secara langsung tidak mempengaruhi kemajuan akademik sama ada untuk menolong Peperiksaan Penilaian Darjah V ataupun Peperiksaan Darjah III atau Peperiksaan SRP atau SPM sepertimana yang saya sebutkan tadi terlalu banyak diberi tekanan oleh pihak-pihak pentadbiran pelajaran. Maka saya minta melalui Dewan yang mulia, melalui Kementerian Pelajaran supaya mengkaji semula sikap dan pandangan pihak Pengurusan Pelajaran terutama sekali di sekolah rendah, sekolah menengah melalui Pengarah-pengarah Pelajaran di negeri masing-masing supaya perkara ini diperbetulkan. Kerana saya dapati ada setengah-setengah negeri mereka yang dinaikkan pangkat sama ada diletakkan di sekolah-sekolah ataupun yang diletakkan di Jabatan-jabatan Pelajaran lebih ramai mereka yang berjaya dan berbakti di bidang yang bukan akademik daripada mereka yang berbakti di bidang-bidang akademik. Jadi dengan demikian, orang-orang yang selalu biasa dalam bidang-bidang sukan atau perkara-perkara lain sudah tentu apabila mereka diberi peluang di peringkat pengurusan di jabatan-jabatan di peringkat negeri maka tumpuan mereka tentulah perkara-perkara yang ada dalam profesion mereka, kalau sukan

sukanlah mereka, kalau kebudayaan, kebudayaanlah mereka; kalau pengkap, pengkaplah mereka; kalau perkara lain, perkara-perkara lainlah mereka.

Seterusnya dengan hal yang demikian maka inilah agaknya salah satu sebab kenapa walaupun peralatan sekolah pada hari ini lebih baik daripada peralatan pada masa yang lepas, keadaan bangunan sekolah pada hari ini lebih lumayan daripada sekolah yang lepas, keadaan latihan guru hari ini lebih baik daripada latihan guru yang lepas dan apatah lagi pada setengah-setengah negeri tidak kedengaran lagi istilah guru sementara walaupun keadaan-keadaan demikian wujud tetapi mutu akademiknya menurun dari setahun ke setahun.

Perkara yang kedua, Tuan Pengerusi, yang saya ingin sentuh ialah muka surat 294, P. 31, Butiran 9—Asrama.

Saya dapati bahawa asrama adalah memainkan peranan yang penting kepada pelajaran terutama sekali di peringkat sekolah menengah. Umum mengetahui bahawa sekolah-sekolah berasrama penuh sama ada Sekolah Menengah Sains ataupun sekolah-sekolah yang tidak dinamakan Sekolah Menengah Sains yang di bawah Kementerian Pelajaran dapat menghasilkan hasil peperiksaan yang lebih baik daripada sekolah-sekolah yang lain, kebiasaannya sekolah-sekolah ini tidak kira sama ada mereka dapat 100% di peringkat SPM tetapi perkiraan mereka ialah sebanyak mana mereka dapat mengeluarkan hasil-hasil dalam bentuk Sijil I.

Dengan pengalaman dan perkara-perkara ini, maka saya mencadangkan supaya pihak Kementerian Pelajaran hendaklah memikir jauh supaya di dalam merancang pembangunan pelajaran dalam masa yang akan datang hendaklah difikirkan sebanyak-banyak asrama hendaklah didirikan di mana-mana sahaja kerana tidak syak lagi soal asrama ini boleh menolong anak-anak kita dari segi pelajaran terutama sekali untuk menghadapi peperiksaan SRP/LCE ataupun SPM.

Perkara yang kedua, dalam P. 31, muka surat 294, Tuan Pengerusi, ialah Butiran 12—Pusat-pusat Penuntut Luar Negeri. Tuan Pengerusi, pada tahun ini kita dapati hanya permohonan sebanyak \$85,400 sahaja dipohon oleh Kementerian bagi Pusat-pusat

Penuntut Luar Negeri. Mungkin permohonan ini tidak cukup atau mungkin inilah sahaja yang difikirkan memadai oleh pihak Kementerian pada tahun ini bagi 1981.

Bagi saya, Tuan Pengerusi, memikirkan bahawa makin ramai anak-anak kita keluar negeri untuk menuntut di luar negeri dan memikirkan bahawa anak-anak kita di luar negeri ini adalah berhadapan dengan berbagai masalah bukan sahaja masalah kenaikan yuran sebagaimana yang dikenakan oleh Kerajaan Conservative di England tetapi juga masalah-masalah sosial, masalah-masalah keselamatan, masalah-masalah lain di luar negeri maka Pusat Penuntut di Luar Negeri ini hendak diperbaiki. Selain daripada ianya hendak diperbanyakkan tetapi juga ianya hendaklah diperengkapkan dengan pegawai-pegawai sama ada pegawai-pegawai ini daripada Kementerian sendiri atau pegawai-pegawai yang disediakan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam, melalui Kementerian Luar Negeri.

Saya suka bercakap dalam masalah Malaysian Students' Department di luar negeri. Ini didapati tidak begitu meluas maka hendaklah difikirkan supaya Pusat Penuntut-penuntut Luar Negeri ini hendaklah diperbanyakkan supaya pegawai-pegawai yang ditugaskan untuk menjaga Pusat-pusat Penuntut di Luar Negeri ini hendaklah sampai kepada penuntut-penuntut itu supaya sekurang-kurangnya penuntut-penuntut ini tidak akan terputus dengan perkara-perkara yang berlaku di negara ini dan apabila mereka kembali besok maka tidak akan wujud cultural gap di antara mereka dengan keadaan yang wujud di negara ini, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Masa sudah cukup Yang Berhormat.

Tuan Hussein bin Mahmood: Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar.

4.03 ptg.

Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali (Kuala Kangsar): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh muka surat 276, Maksud B. 31, Butiran 1100, Program (5) Perancang Penyelidikan dan Perancangan Pelajaran.

Tuan Pengerusi, kita mestilah mengambil perhatian yang sewajarnya tentang kesedaran

anak-anak kita di pengajian rendah dan menengah tentang wujudnya tiga bangsa majoriti atau yang terbesar di negara kita ini, bagaimana mereka telah bersama-sama berjuang menegakkan kemerdekaan negara ini, dan pada hari ini golongan terbesar rakyat bukan bumiputra tidak merasai atau mengalami kepahtan penyampaian kemerdekaan negara ini dan sudah tentu tidak memahami tentang konsep kenapa bumiputra mesti diberi hak istimewa. Ini sangatlah penting dan mesti diterangkan dengan sejelas-jelasnya menerusi kursus tata rakyat dan juga supaya mereka ini memahami mengenai hal ehwal negara Malaysia dengan mendalam.

Tuan Pengerusi, dengan cara ini saya percaya baharulah dapat kita semaikan semangat anak-anak kita ini menyintai tanahair kita Malaysia ini. Dan dengan ini juga baharulah kita dapat menentukan keharmonian dan perpaduan kaum di dekad yang akan datang dan seterusnya sejajar dengan objektif Kementerian ini untuk medidik rakyat Malaysia bagi membolehkan mereka menjadi warganegara yang berpengetahuan, bertanggungjawab dan berkebolehan bagi mencapai taraf hidup yang lebih baik serta memenuhi kehendak-kehendak negara yang sedang membangun sesuai dengan Dasar Ekonomi Baru di samping mewujudkan satu masyarakat yang taat setia, berdisiplin, bersatu padu selaras dengan prinsip-prinsip Rukunegara.

Tuan Pengerusi, pada hari ini kebanyakan rakyat bukan bumiputra tidak memahami sepenuhnya perjanjian di antara tiga kaum yang terbesar di negeri ini di waktu kemerdekaan dahulu yang mana rakyat bukan bumiputra diberi hak kewarganegaraan dan kebebasan berpolitik dan bumiputra diberikan peluang menikmati bersama dalam bidang ekonomi negara dan mencapai kemewahan yang ada ditahap yang berpatutan. Sementara objektif yang pertama kepada bukan bumiputra telah terlaksana, sebaliknya hak yang kedua untuk bumiputra masih belum tercapai dengan sempurna lagi dan untuk mencapai matlamatnya akan memakan masa yang panjang.

Jika prinsip ini tidak diterangkan dengan sejelas-jelasnya kepada jenerasi muda ini dari awal lagi iaitu dari bangku sekolah lagi akan bertambah rumitlah kita untuk mewujudkan perpaduan kaum yang kokoh dan abadi. Oleh sebab jenerasi muda ini tidak mengalami perjuangan kemerdekaan dahulu maka mereka tidak akan tahu faktor-faktor yang sebenarnya dan akan timbullah perasaan irihati, salah

faham dan perpecahan di kalangan rakyat Malaysia yang terdiri dari berbilang kaum masa akan datang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi, pendidikan kepada jenerasi muda ini untuk memahami dengan mendalam dan menerima serta bersikap toleransi ke arah perpaduan negara sangatlah dihargai dan persediaan yang sebaik-baiknya ialah melengkapkan pemikiran mereka dengan memberikan gambaran yang sebenarnya dari bangku sekolah lagi demi untuk kepentingan masa depan negara.

Tuan Pengerusi, menyentuh tentang latihan dan pendidikan kepada kanak-kanak yang masih muda ini, pada pendapat saya hari ini terlalu banyak tumpuan dan tekanan diberikan kepada kerja-kerja di bilik darjah melalui buku-buku teks dan memberikan homework yang banyak sahaja. Pada masa dahulu berbagai-bagai aktiviti diadakan seperti Pertubuhan Pengakap, Pandu Putri, St. John's Ambulance, Brigade Cadet Corps dan berbagai-bagai persatuan dan olahraga serta lain-lain.

Bukanlah maksud saya mengatakan kegiatan ini tidak lagi diwujudkan di sekolah-sekolah tetapi kita dapati kegiatan pada hari ini tidak begitu aktif. Ini sangatlah mustahak kerana selain dari pendidikan yang diberi dalam bilik darjah, pendidikan yang lain seperti saya sebutkan tadi tidaklah patut diketepikan. Melalui pendidikan jasmani ini akan melahirkan penuntut yang berdisiplin, berdikari, berakhlak mulia dan berhemah tinggi dan murid-murid ini patut digalakkan bergiat lebih cergas lagi dalam bidang yang saya sebutkan tadi.

Menyentuh tentang kesukuan terdapat banyak sekolah yang tidak mempunyai padang permainan yang standard. Saya menyokong cadangan rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh agar peruntukan yang lebih haruslah diberi kepada perkara ini.

Tuan Pengerusi, pada hari ini kita dapati bahawa standard bahasa Inggeris di sekolah-sekolah tidak begitu memuaskan dan Kerajaan sedang berusaha untuk memperbaiki aliran ini. Pada pendapat saya bahasa-bahasa asing yang lain seperti bahasa Peranchis, Jerman dan bahasa Jepun juga patutlah digalakkan diajar di sekolah-sekolah di negara

kita ini. Pada hari ini kita sedang mengejar pengetahuan di bidang teknologi daripada negara-negara yang sudah maju dan bukan semua negara maju dalam bidang teknologi didapati dari negara yang menggunakan bahasa Inggeris sahaja. Dalam setengah bidang ini negeri Jerman, Perancis dan Jepun adalah lebih baik dan up-to-date. Dengan sebab itu kita mestilah melengkapkan anak-anak kita dalam semua bahasa ini supaya apabila mereka berpeluang melanjutkan pelajaran di negara-negara yang saya sebutkan tadi mereka sudahpun bersiap sedia dengan bahasa-bahasanya.

Tuan Pengerusi, dengan ini saya menyokong peruntukan ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Tanjong Karang.

4.08 ptg.

Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj (Tanjong Karang): Tuan Pengerusi, saya suka menarik perhatian kepada muka surat 275, Maksud B. 31, Program (3) Pentadbiran Am, Perkara (a) hingga (e).

Tuan Pengerusi, dalam membincangkan Pentadbiran Am ini, saya ada terdapat sedikit kecuaiian yang tidak disedari telah berlaku dan menggambarkan betapa ringannya perhatian diberikan oleh pihak yang bertanggungjawab terhadap harta Kerajaan yang sangat bernilai dan amat perlu pula kegunaannya. Perkara ini dapat dibuktikan dengan jelas dan akibatnya menyusahkan guru besar hingga menimbulkan perasaan tidak puas hati di antara guru besar dengan orang ramai.

Satu daripada benda yang bernilai itu ialah tanah tapak sekolah atau tanah yang di fahamkan kepunyaan sesebuah sekolah di bawah Jabatan Pelajaran atau di bawah Kementerian Pelajaran. Di atas sebidang tanah yang telah didirikan bangunan sekolah dan beberapa buah rumah guru semenjak sebelum merdeka lagi tetapi hingga hari ini tanah tersebut tidak berdaftar atas nama kepunyaan sekolah atau Jabatan Pelajaran ataupun atas kepunyaan Kementerian Pelajaran. Kecuaiian pihak pegawai yang tidak disengajakan atau tidak diambil perhatian itu di Jabatan Pelajaran ataupun di Kementerian Pelajaran telah diambil kesempatan oleh orang yang laparkan tanah dengan cara mereka memohon tanah kawasan sekolah itu untuk menjadi haknya.

Pada hari ini terdapat sebuah rumah ter-cenggok di atas sebahagian padang kawasan sekolah yang mana tuan rumah itu dapat hak milik yang sah daripada pihak berkuasa di atas tanah tersebut. Apabila diadakan penyiataan yang rapi maka didapati seluruh kawasan sekolah itu masih tanah Kerajaan Negeri yang tiada satu bukti pun menunjukkan tanah tersebut kepunyaan sekolah. Pada masa ini baru sahaja sebuah bangunan tambahan kepada kawasan itu dibina 3 tingkat bangunan batu yang lengkap dengan 20 bilik darjah segala-gala bangunan cara baru telah sedia. Daripada satu bukti yang terpampang di hadapan mata ini adalah membayangkan entah berapa banyak lagi kawasan sekolah di dalam negara ini yang belum tentu hujung pangkalnya tanah itu kepunyaan siapa.

Tuan Pengerusi, perkara yang menghairankan kita ialah bagaimana pihak-pihak yang berkenaan tanpa usul periksa mendirikan bangunan sekolah entah di tanah siapa. Saya sukacita merayu kepada pihak berkenaan supaya mengadakan penyelidikan yang rapi kepada semua sekolah agar dapat ditentukan tanah kawasan sekolah di dalam negara ini dimiliki oleh sekolah atau dimiliki oleh Jabatan Pelajaran atau Kementerian Pelajaran secara sah dan rasmi dengan mempunyai bukti hitam-putih daripada pihak yang berkuasa di atas tanah itu. Tindakan yang segera hendaklah diambil supaya tidak bertambah bilangan tanah kawasan sekolah dipohon oleh orang ramai untuk menjadi milik perseorangan. Kita tidak boleh menyalahkan orang memohon tanah kawasan sekolah itu kerana rakyat hari ini sentiasa berikhtiar untuk mendapatkan tanah.

Tuan Pengerusi, walaupun saya mengemukakan hujah yang pelik di Dewan yang mulia ini tetapi mempunyai bukti yang menunjukkan perkara itu benar. Jika ada pihak yang berkenaan ingin tahu saya sentiasa untuk memberikan kerjasama bagi menunjukkan apa yang saya katakan ini adalah benar dan mempunyai bukti tetapi maaf, saya dukacita tidak ingin hendak menyebutkan di kawasan sekolah mana yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, mengenai muka surat 276, Butiran 1100, Program (7) Latihan Guru, perkara (a) hingga (d), kita telah maklum bahawa latihan guru hari ini adalah menggalakkan guru-guru berdamping rapat dengan ibubapa dan dilarang mengasingkan diri. Ibubapa pula selalu dinasihatkan supaya

mendampingi guru untuk membolehkan masyarakat guru tidak berbeza dengan masyarakat biasa walau di mana-mana guru itu berada. Latihan guru juga ditekankan supaya guru sentiasa menunjukkan kasih sayang kepada murid-murid dan murid-murid pula digalakkan menghormati, guru seperti menghormati keluarga mereka sendiri.

Berpunca daripada keadaan yang demikian maka ternampaklah oleh masyarakat hari ini betapa jauhnya perbezaan di antara sikap guru zaman penjajahan dahulu dengan guru di zaman kemerdekaan ini. Saya rasa cara ini adalah satu kejayaan yang telah dapat dibentuk oleh sistem latihan guru di zaman moden ini. Adakah kita mahu melihat sikap guru negara ini boleh menakutkan murid-murid dan dibezakan oleh masyarakat dengan golongan mereka. Adalah kita semua maklum bahawa guru itu adalah manusia biasa, ada di kalangan mereka yang melakukan kesilapan dan ada ramai pula yang berkelakuan baik seperti yang diperlukan oleh ilmu pendidikan. Kalau masyarakat berkehendak guru itu bergerun dan nampak berbeza dengan golongan masyarakat biasa tentulah satu usaha baru mesti dibuat, sama ada guru dikehendaki memakai pakaian seragam seperti beberapa kumpulan kakitangan Kerajaan yang lain. Adakah ini bijak atau perlukah guru diberi kuasa memukul murid-murid itu, bukan merotannya seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran baru-baru ini supaya murid-murid sentiasa kecut perut hendak menghadapi guru. Saya berpendapat sistem latihan guru hari ini adalah sesuai dan sikap guru inipun sesuai mengikut keadaan zaman moden ini. Kita tidak mahu guru kita serba salah untuk menjalankan tugasnya di tengah-tengah masyarakat yang berbagai ragam.

Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pelajaran yang telah berjaya melaksanakan sistem latihan guru secara moden dan latihan-latihan dalam perkhidmatan yang diadakan dari semasa ke semasa. Latihan dalam perkhidmatan untuk mengajar murid-murid lembam adalah berkesan dan mendatangkan hasil yang baik. Saya sukacita supaya latihan ini diteruskan dari semasa ke semasa.

Tuan Pengerusi, pada muka surat 276, Butiran 1200—Elaun dan lain-lain Habuan Wang, Program (1) perkara (a) hingga (d).

Berhubung dengan tuntutan perbatuan yang dihadkan kepada penyelia-penyelia atau pegawai-pegawai yang menjalankan tugas untuk melawat ke sekolah-sekolah hendaklah dikaji semula. Bagi seseorang Penyelia Kawasan hendaklah dianggarkan had perbatuannya sekurang-kurangnya pegawai itu boleh melawat tiap-tiap sekolah di bawah jagaannya sebulan sekali dan juga dibolehkan beberapa kali hadir ke Pejabat Pelajaran Negeri yang berkenaan. Anggaran ini hendaklah terkecuali daripada perbatuan yang diperintah khas oleh Jabatan Pelajaran kepada pegawai-pegawai berkenaan dalam menjalankan tugas luar biasa yang bukan tugas sehari mereka. Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan Kementerian Pelajaran.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Panti.

4.17 ptg.

Dato' Haji Yusof bin Malim Kuning (Panti): Tuan Pengerusi, saya bangun menyentuh beberapa perkara sahaja, iaitu muka surat 275, Maksud B. 31, Program (2) Pelajaran Teknik dan Vokesyenal.

Tuan Pengerusi, walaupun perkara ini telah pernah ditimbulkan dalam Dewan ini waktu soal-jawab maka saya menguatkan di sini lagi minta Kementerian Pelajaran kalau boleh vokesyenal ini dimajukan lagi dan ditambah lagi terutama sekali di kawasan-kawasan luar bandar, kalau boleh janganlah dipusatkan di bandar-bandar besar sahaja seperti di Johor Bahru, Seremban, Melaka dan sebagainya, kalau boleh dipecah-pecahkan dibawa pergi ke daerah-daerah yang belum ada sekolah vokesyenal. Selain daripada itu perlu juga diberi perhatian oleh Kementerian Pelajaran ini vokesyenal yang akan melahirkan pelajar-pelajar yang sesuai dengan kehendak-kehendak masa supaya murid-murid kita keluar daripada sekolah vokesyenal ini tidaklah susah hendak mencari kerja kerana pelajaran-pelajaran yang dipelajarinya itu sesuai dengan keadaan pertumbuhan kilang-kilang yang sedang wujud di negara kita ini.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, di bidang vokesyenal ini saya memberikan pandangan atau cadangan kepada Kementerian supaya wujudkan satu vokesyenal yang khusus untuk pelajaran petroleum kerana negara kita baru

dengan petroleum dan mungkin memerlukan banyak nanti tenaga-tenaga yang mahir berkenaan dengan petroleum. Kalau kita hendak menghantar murid-murid kita belajar petroleum keluar negeri di peringkat asas tentulah akan memakan belanja yang banyak, jadi adalah lojik kalau di peringkat asas dengan petro-kimia atau petroleum ini kita adakan vokesyenal sendiri dalam negeri dan untuk lanjutannya bolehlah kita menghantar anak-anak kita itu nanti ke mana-mana negeri yang telah lebih dahulu maju, lebih dahulu kenal dengan petroleum.

Menyentuh saya masalah muka surat yang sama, Maksud B. 31, Program (3) Pentadbiran Am (a) Umum. Apa yang saya hendak sentuh di sini, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan akhlak dan kelakuan murid-murid yang mana akhlak dan kelakuan murid-murid ini berhubung rapat dengan keadaannya sehari-hari dan pakaiannya sehari-hari. Maka di sini sukalah saya mencadangkan walaupun ada arahan, saya difahamkan Kementerian tidak menyekat sesiapa, umpamanya anak-anak Melayu Islam memakai baju kurung dan yang bukan Islam memakai skirt, tetapi saya mencadangkan sekali lagi dan menekankan dengan kuatnya di sini supaya anak-anak Melayu Islam diwajibkan memakai pakaian menutup aurat sekarang-kurangnya menutup auratnya yang besar-besar seperti pehanya, kakinya dan sebagainya, kerana kalau dengan pakaian-pakaian yang kita dapati hari ini di setengah-setengah sekolah itu walaupun murid itu sudah berumur, badannya sudah besar, masih tidak sopan pada pandangan kita orang Melayu. Jadi, saya suka mencadangkan kepada murid-murid Islam ataupun murid-murid Melayu eloklah berpakaian baju kurung dan kain dan sama ada hendak menutup aurat rambutnya sebagaimana yang kita lihat di sana itu, itulah yang sebaik-baiknya, tetapi yang penting baju kurung dan kepada murid-murid yang bukan beragama Islam, itu tidaklah kita paksakan mereka memakai baju kurung tetapi eloklah juga dibenarkan memakai uniform yang skirtnya separuh betisnya boleh nampak. Kita boleh buat peraturan, kepada murid-murid yang bukan Islam, boleh memakai skirt tetapi hendaklah menutup lutut ataupun di bawah lutut sedikit, jangan dedahkan sangat peha itu.

Tuan Pengerusi, saya pergi pula kepada muka surat 276, B. 31, Program (5) (d) Pelajaran Ugama.

Tuan Pengerusi, pada hari ini pihak Jabatan atau Kementerian Pelajaran masih lagi teragak-agak untuk mewajibkan agama ini kepada murid-murid terutama sekali anak-anak orang Islam. Walaupun arahan sudah ada, syllabus sudah ada, mata pelajarannya sudah ada dan gurunya sudah ada, tetapi bila sampai peringkat peperiksaan maka tidak diwajibkan di dalam peperiksaan. Saya sukalah mencadangkan supaya Kementerian tegas dalam soal ini. Kepada murid-murid Islam hendaklah diberi pelajaran wajib agama Islam ini dan juga dimasukkan sebagai peperiksaan yang wajib dan diberi markah di dalam masa peperiksaan dan kalau boleh janganlah digredkan sahaja, A, B, C, dan sebagainya tetapi dijadikan mata pelajaran agama itu hendaklah diberi markah—bukan diberi gred A+, A-B+ dan sebagainya, kerana dengan ini akan mendatangkan perasaan kepada anak-anak kita bersungguh-sungguh terpaksa mempelajari agama, terpaksa belajar terpaksa bertanya di rumah dari ibubapa atau dengan guru-guru private kerana mereka takut tidak lulus di dalam peperiksaan.

Pada peringkat awal walaupun dalam dasar agama itu tidak ada paksaan dalam agama, ini kita akui, tetapi bagi peringkat anak-anak kita wajib diajar dan wajib memaksa anak-anak kita itu kerana kalau sudah mereka sampai di peringkat dewasa, itu sudah tidak ada paksaan, tetapi di peringkat awalan, di peringkat murid-murid, di peringkat kanak-kanak, wajib kita memaksanya untuk mempelajari agama dan mengamalkan agama, oleh kerana pelajaran agama ini berhubung rapat dan ada kaitan dengan tulisan Jawi.

Memanglah zaman penjajah dahulu, beratus-ratus tahun kita dijajah, dari masa ke semasa memang kita tidak sedar dan secara tidak sedar penjajah hendak menghapuskan Ugama Islam secara tidak langsung iaitu pertama sekali menghapuskan tulisan Jawi oleh kerana agama pada umumnya orang Melayu belajar agama tidak banyak yang mengerti bahasa Arab, jadi terpaksa belajar agama ini dengan melalui buku Melayu—tulisan Jawi. Jadi penjajah menghapuskan Ugama Islam secara tidak langsung, menghapuskan lebih dahulu tulisan Jawi dan dengan sendirinya agama akan hapus. Ini berjalan. Saya harap oleh kerana agama ini berhubung rapat dengan mata pelajaran Jawi, maka saya juga mencadangkan kepada Kementerian Pelajaran,

kepada murid-murid Islam diwajibkan juga mengenali, diwajibkan juga pelajaran Jawi ini dan juga dimasukkan dalam markah apabila diadakan peperiksaan.

Tuan Pengerusi, itulah sahaja pandangan yang dapat saya berikan untuk perhatian Kementerian Pelajaran dan dengan ini saya menyokong peruntukan yang dipohon.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Bachok.

4.26 ptg.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah (Bachok): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk membahaskan beberapa perkara dalam maksud Bekalan B. 31, Kementerian Pelajaran yang berjumlah sebanyak \$2,805,188,000 peruntukan bagi belanja mengurus tahun 1981 dan jika diizinkan, saya akan menyentuh satu dua perkara dalam Maksud Pembangunan 1981.

Tuan Pengerusi: Ini muka surat berapa, butiran berapa Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Muka surat 275. Ini permulaan, Tuan Pengerusi, kemudian akan pergi kepada Program (1) bahagian (c) dan (d) dan Program (3) Pentadbiran dan seterusnya, jika diizinkan, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, dalam perbahasan ini saya akan mulai dengan Butiran 1100, Program (1) pecahan (c) dan (d), Pelajaran Rendah dan Pelajaran Menengah, muka surat 275, selepas itu saya menyambung dengan Program (3) Pentadbiran Am dan seterusnya.

Tuan Pengerusi, rakyat yang sentiasa mengikuti perkembangan pendidikan dan pembelajaran di negara kita, sewajarnya kandungan Laporan Jawatankuasa Kabinet mengkaji pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan adalah menjadi panduan kepada mereka sekarang ini. Kita mengharapkan pada tahun 1981 ini Kementerian Pelajaran akan melaksanakan secara mendalam sebahagian besar daripada 173 perakuan yang telah dicadangkan dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet mengenai Sistem Pelajaran Kebangsaan.

Seperti pada tahun-tahun yang lepas, pada tahun ini Kementerian Pelajaran akan menumpukan usaha membaiki dan membekalkan kemudahan-kemudahan asas yang termasuk kemudahan kelengkapan, pembantuan seperti guru-guru terlatih dan berpengalaman, kakitangan sekolah yang cekap, kemudahan pelajaran seperti perpustakaan, makmal sains, alat-alatan mengajar kepada semua sekolah khususnya sekolah-sekolah di luar bandar.

Tuan Pengerusi, walaupun Kementerian sentiasa menumpukan usaha seperti yang tersebut pada tahun-tahun yang lepas tetapi usaha-usaha itu tidak dapat memenuhi keperluan yang dikehendaki. Kita dapati kekurangan guru-guru di kebanyakan tempat sama ada di sekolah rendah atau menengah lebih-lebih lagi guru yang berpengalaman.

Tuan Pengerusi, dalam perkara ini saya suka menarik perhatian Kementerian Pelajaran supaya jangan lagi melambat-lambatkan pelaksanaan perakuan Laporan Jawatankuasa Kabinet mengkaji Dasar Pelajaran Kebangsaan khususnya perakuan 235.1 iaitu mengenai keramaian guru dan saiz sekolah serta keramaian murid-murid. Jika perkara ini dilambat-lambatkan maka bererti kita membiarkan kemunduran murid dan pelajar-pelajar kita terus berlaku. Oleh sebab itu saya menggesa Kementerian Pelajaran bahawa perakuan 235.1 ini disegerakan.

Tuan Pengerusi, sebenarnya kekurangan guru boleh kita atasi terutamanya pada tahun hadapan Kementerian Pelajaran telah memperuntukkan wang yang banyak, mengatasi masalah kekurangan guru yang berpengalaman kepada semua sekolah adalah menjadi perkara yang sulit.

Tuan Pengerusi, dalam tajuk ini saya suka menyentuh mengenai disiplin sekolah. Di peringkat sekolah sekurang-kurangnya ada dua cara melaksanakan disiplin. Cara yang pertama ialah dengan mengadakan peraturan dan hukuman.

Sejak merdeka lagi, malahan setahun sebelum daripada merdeka, Kementerian Pelajaran telah mengeluarkan berbagai-bagai Surat Pekeliling mengenai peraturan-peraturan yang sepatutnya dilaksanakan di sekolah. Peraturan itu termasuklah Peraturan Tata-tertib Sekolah, Peraturan Membuang Murid-murid dari Sekolah, Peraturan Melarang Menghisap Rokok, Peraturan-peraturan Majallah Sekolah dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, konsep disiplin mengalami perubahan dari masa ke semasa. Hapusnya hukuman dera telah membuktikan adanya perubahan ini. Perubahan-perubahan ini bukan sahaja dirasai oleh murid-murid, malahan juga dirasai oleh guru-guru mereka. Guru-guru menganggap bahawa pengawasan disiplin di kalangan murid-murid bukan lagi menjadi tanggungjawab mereka bahkan menjadi tanggungjawab Guru Besar dan guru disiplin semata-mata. Oleh kerana itu Kementerian Pelajaran nampaknya telah menegakkan dalam perakuan 233.1, dengan izin, Tuan Pengerusi.

"233.1 Langkah-langkah positif hendaklah diambil untuk menyemai dan mengawasi disiplin murid-murid di sekolah dengan melibatkan semua guru dan bukan setakat guru pengawas disiplin dan pengawas murid-murid sahaja. Hukuman dera kepada murid-murid seperti merotan hendaklah dikekalkan; guru besar dan guru-guru lain yang tertentu diberi kuasa untuk merotan. Di samping itu guru-guru tersebut hendaklah diberi garis-garis panduan dalam menggunakan hukuman dera serta cara dan bila hukuman itu boleh dikenakan."

Tuan Pengerusi, di samping Kerajaan melaksanakan mengikut dalam perakuan tersebut yang baru saya bacakan tadi, Kerajaan harus juga meluaskan lagi pengertian disiplin supaya ianya menjadi kesan yang baik bukan sahaja kepada murid-murid tetapi juga kepada guru-guru. Kata-kata disiplin, akhlak, adab dan sebagainya adalah berasal dari ajaran agama dan segala ajaran agama mestilah dikaitkan dengan ajaran asal atau ajaran pokok iaitu mengakui wujudnya Tuhan yang bernama Allah s.w.t. yang lengkap dengan segala sifat kesempurnaan, sifat keindahan dan sifat keagungan. Selagi pengakuan ini tidak dimasukkan lebih dahulu ke dalam hati nurani pelajar-pelajar maka selama itulah ajaran supaya mematuhi disiplin, akhlak dan adab iaitu dari jenis ajaran yang bertapak di atas rohani tidak akan memberi kesan apa-apa. Lebih-lebih lagi, Tuan Pengerusi, kalau suasana hidup pelajar itu sendiri dilingkungi dengan alam kebendaan yang lebih terlibat ganda dari suasana alam kerohanian kerana kepautuhan seseorang manusia terhadap akhlak dan disiplin akan teretus di atas dasar kerelaan hati masing-masing serta keinginan bertolak ansur dan beralah dari kepentingan sendiri.

Tuan Pengerusi, dalam hubungan ini sejauh manakah pula guru sendiri diberi pelajaran disiplin juga meragukan kita. Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Kementerian Pelajaran kerana satu daripada 173 perakuan di dalam buku ini telah menyebutkan ialah supaya latihan guru maktub hendaklah ditambah setahun lagi daripada dua tahun menjadi tiga tahun dan dalam tempoh pertambahan itu saya mengharapkan kepada pihak Kementerian Pelajaran supaya pelajaran akhlak, disiplin dan adab ini juga ditambah untuk menjadi pengetahuan kepada guru-guru.

Tuan Pengerusi, dalam perkara lain—Penadbiran Pelajaran di Negeri-negeri—Butiran 1100 program 3 (b) Cuti. Cuti di bawah kuasa Jemaah Pengurus Sekolah ada 4 hari. Cuti 4 hari ini patut tidak digunakan oleh Pengarah-pengarah Pelajaran dan semua cuti itu sewajarnya diberi kebebasan kepada pertimbangan pihak jemaah pengurus sesebuah sekolah untuk menutup sekolah. Ada Pengarah Pelajaran telah mengisytiharkan cuti sekolah di hadapan murid-murid dan guru serta ibubapa apabila sahaja tamat sesuatu majlis sukan. Perisytiharan itu disambut dengan gemuruh oleh para murid khususnya yang mengambil bahagian di dalam temasya sukan pada hari itu. Rupa-rupanya cuti itu termasuk jumlah cuti yang patut dipertimbangkan oleh jemaah pengurus. Saya mengharapkan dapat kiranya diperolehi kerjasama dari Pengarah Pelajaran Negeri supaya memberi sepenuh kebebasan cuti kepada jemaah pengurus untuk menimbang atau mempergunakan atau tidaknya cuti selama 4 hari itu. Syarat cuti berturut-turut hari walaupun diberikan kebebasan kepada jemaah pengurus tetapi kalau cuti berturut-turut hari walaupun dua hari hendaklah diluluskan oleh Pengarah Pelajaran. Demikian juga cuti kelulusan jemaah pengurus yang berlaku pada awal dan pada akhir penggal cuti sekolah pasti diluluskan oleh Pengarah Pelajaran.

Yang akhirnya, Tuan Pengerusi, ialah mengenai yuran majlis sukan sekolah yang dikenakan sekali sebanyak \$1.00 pada waktu seorang kanak-kanak dimasukkan ke sekolah, di manakah yuran yang banyak dikumpulkan? Apakah projek-projek yang dibuat atau dicadangkan untuk dibuat hasil daripada kutipan wang yuran majlis sukan itu? Berapa banyakkah jumlah pungutan itu sehingga

sekarang? Jawapan-jawapan sewajarnya diberikan segera sekarang untuk menghilangkan keraguan dan sungutan pihak setengah ibubapa yang sentiasa mengikuti perkembangan pelajaran.

Sekian dan saya menyokong peruntukan ini.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran menjawab.

4.34 ptg.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan-pandangan dan pendapat-pendapat, teguran-teguran dan juga cadangan-cadangan dalam masa membahaskan permohonan belanjawan Kementerian Pelajaran kelmarin dan juga pada hari ini. Kepada mereka saya suka mengucapkan berbilang terima kasih dan juga saya sangat menghargai cadangan-cadangan dan juga pandangan-pandangan itu. Setengah-setengah pandangan dan juga cadangan itu telahpun dapat pihak Kementerian Pelajaran melaksanakan dengan cara pengurusan, pembangunan dan sebagainya. Lebih-lebih lagi perkara berkenaan dengan perakuan-perakuan daripada Laporan Kabinet yang mana kita sudah menubuhkan sebuah Jawatankuasa di Kementerian Pelajaran dan Jawatankuasa ini telahpun merancang dan juga dapat mengumpulkan maklumat daripada bahagian-bahagian yang berkenaan dalam Kementerian Pelajaran supaya dapat mengaturkan satu langkah yang lebih berkesan untuk dilaksanakan perakuan-perakuan yang dicatitkan dalam Laporan Kabinet itu.

Tuan Pengerusi, barangkali saya tidak dapat menjawab satu persatu cadangan-cadangan yang dikemukakan kepada saya tetapi walau bagaimanapun saya cuba sedaya upaya pandangan-pandangan atau cadangan itu dapat saya berikan penjelasan atau penerangan.

Beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh tentang program pelajaran rendah dan menengah. Wakil dari Sabak Bernam telah menyentuh tentang perbezaan tanggaji di antara Penerbit RTM dengan Penerbit Rancangan TV Pendidikan. Perkara ini tidak

dapat dielakkan kerana Penerbit-penerbit Rancangan TV Pendidikan adalah dari Pegawai-pegawai Perkhidmatan Pelajaran. Mereka adalah guru sebagai asasnya dan telah diberi kenaikan pangkat untuk memegang jawatan Penerbit TV Pendidikan; oleh kerana TV Pendidikan adalah untuk keperluan pelajaran maka penerbitnya mestilah seorang guru terlatih dan oleh itu tentulah tidak boleh disamakan dengan Penerbit dari RTM.

Wakil dari Sabak Bernam juga menyentuh tentang kekurangan rumah-rumah guru dan juga sekolah menengah agama. Dalam Rancangan Malaysia Keempat, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan sebanyak \$25 juta telah diuntukkan dan keutamaannya akan diberikan ke kawasan luar bandar. Bagi sekolah agama pula Kementerian Pelajaran telah merancang untuk membina 10 buah sekolah menengah dalam Rancangan Malaysia Keempat dan tiap-tiap sekolah akan mempunyai 22 buah bilik darjah.

Berhubung dengan sekolah kecil yang terpencil yang disentuh oleh wakil dari Kangar, Kementerian memang sedang menguruskan untuk memperbaiki taraf sekolah-sekolah itu melalui bantuan kewangan, bilangan guru yang baik dan juga lain-lain kemudahan pembelajaran.

Ahli dari Pasir Putih telah memberitahu tentang kekurangan kelas-kelas di mana di kawasan beliau telah didapati sekolah baru sahaja didirikan dan didapati tidak mencukupi untuk menampung satu sesi dan sekolah ini terpaksa membuat dua sesi. Adalah menjadi matlamat Kementerian Pelajaran supaya sekolah-sekolah di seluruh negara diadakan dalam satu sesi sahaja tetapi ini tidak dapat dilaksanakan dengan serta-merta kerana kemampuan tenaga pembinaan kita tidak mencukupi. Walau bagaimanapun perancangannya akan dimulakan dalam Rancangan Malaysia Keempat dan berpandukan kebolehan kita ini mungkin mengambil masa 20 tahun untuk melaksanakan sepenuhnya. Kementerian juga sedang berusaha bagi melengkapkan sekolah-sekolah dengan kerusi meja yang baik dan juga mengadakan padang-padang permainan.

Mengenai kebajikan penuntut, Ahli Yang Berhormat dari Kangar ada menyentuh tentang Rancangan Amalan Makanan Panas. Buat masa ini bantuan diberi setakat 20 sen seorang bagi sehari, bantuan ini didapati kurang memuaskan. Oleh itu penelitian

sedang dijalankan untuk menambah bantuan ini yang mungkin termasuk pembelian alat-alat keperluan dapur dan sebagainya.

Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam dan Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah juga menyentuh tentang kekurangan Sekolah-sekolah Menengah Asrama Penuh. Untuk makluman Dewan yang mulia ini Kementerian Pelajaran akan merancang untuk membina 12 buah lagi dalam Rancangan Malaysia Keempat akan datang, selain daripada ini asrama-asrama pusat juga akan dapat dibina.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar dan Ahli Yang Berhormat dari Tanjung Karang juga menyentuh tentang latihan perguruan yang tidak mencukupi dan ini telah menjejaskan tentang kepercayaan dan pandangan masyarakat. Kementerian ini memang telah merancang kurikulum perguruan yang lebih baik dan masa latihan juga akan dipanjangkan dari dua hingga tiga tahun, perkara ini telah juga saya sentuh semasa menggulung Ucapan Belanjaan Yang Berhormat Menteri Kewangan yang baru lalu dan secara keseluruhannya latihan seorang guru akan diperbaiki dari semua sudut iaitu dari segi akademik, ikhtisas dan juga penyesuaian diri terhadap masyarakat kita.

Mengenai pelajaran tinggi pula Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar dan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah membangkitkan semula perkara pertambahan 2% pelajar-pelajar bukan bumiputra. Penambahan 2% lagi bagi bukan bumiputra untuk Sesi tahun 1980/1981 bererti penambahan 197 penuntut berbanding dengan pengambilan bagi Sesi 1979/1980. Angka ini memanglah lebih besar daripada 35 orang yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar bahkan angka ini berupa 500% lebih dari apa yang dinyatakan oleh wakil itu. Jadi saya berharap angka ini boleh dapat dibetulkan oleh kerana Ahli Yang Berhormat dari Petaling juga sudah sebutkan banyak kali di luar Dewan ini yang mana mengatakan cuma 35 tempat sahaja dapat diberi dengan penambahan 2% pengambilan penuntut bukan bumiputra masuk ke universiti-universiti tempatan kita. Jikalau tidak tahu mengira, cuba belajar lebih untuk mengira betul-betul angka sebelum buat satu pengumuman untuk mengelirukan kepada rakyat.

Seperti yang telah saya menyatakan dalam Dewan ini dalam menggulung perbahasan

Ucapan Belanjaan baru-baru ini, perlulah saya jelaskan bahawa sistem pengambilan ke universiti-universiti bukanlah lahir kerana tekanan dari mana-mana pihak, tetapi ialah satu hasil rundingan dan persefahaman di antara Komponen-komponen Barisan Nasional sendiri, Kerajaan Barisan Nasional memang sentiasa berusaha untuk mencapai objektif persefahaman ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar juga meminta supaya undang-undang tertentu diadakan bagi mengawal aktiviti-aktiviti wakil sekolah-sekolah persendirian di luar negeri supaya pelajar-pelajar tempatan tidak teraniaya. Kementerian Pelajaran sedar akan perkara ini dan oleh kerana itu Kementerian Pelajaran telah menubuhkan Seksi Unit Maklumat Pelajar di Bahagian Pelajaran Tinggi untuk memberi nasihat-nasihat yang wajar, mereka juga boleh menghubungi kedutaan-kedutaan yang wajar, mereka juga boleh menghubungi kedutaan-kedutaan negara yang berkenaan yang berada di Kuala Lumpur.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Selangor ada membangkitkan soal guru untuk mengajar bahasa Inggeris. Baru-baru ini kita telah dapat guru-guru untuk mengajar bahasa Inggeris daripada Britain dan beliau berharap dalam masa jangka panjang kita akan dapat melatih lebih banyak guru-guru tempatan untuk mengajar bahasa Inggeris. Ini memang satu langkah yang telah diambil, selain daripada Maktab-maktab Perguruan, kita dapat melatih guru-guru bahasa Inggeris di peringkat diploma. Kita juga adakan kursus di Universiti Malaya dan juga kursus 6 bulan di Maktab Perguruan Bahasa untuk melatih guru-guru mengajar bahasa Inggeris, dan juga dalam masa cuti penggal sekolah, kita pun ada mengadakan kursus-kursus dalam perkhidmatan untuk melengkap dan meninggikan mutu pengajaran bahasa Inggeris untuk guru-guru yang sedang berkhidmat dalam Kementerian Pelajaran.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Selangor juga menyentuh berkenaan dengan sekolah dalam kampung baru dan juga dalam ladang-ladang yang mana cadangannya ialah kita patut memberikan peruntukan kajian untuk pembangunan supaya sekolah-sekolah itu pun dapat layanan seperti sekolah-sekolah yang hakmiliknya dipunyai oleh Kerajaan. Memang dari segi legality ini tidak dapat dijadikan oleh kerana jikalau hakmilik tanah itu bukan

hakmilik Kerajaan, jadi tidak dapatlah Kerajaan untuk memberikan dari segi pembangunan, semua perbelanjaan itu dapat ditanggungkan oleh Kerajaan, cuma apa yang dapat diberi setinggi-tingginya ialah 50% untuk seluruh projek perbelanjaan itu. Walau macamanapun, di dalam Rancangan Malaysia Keempat ini kita akan berusaha dari segi bantuan modal yang mana sekolah-sekolah yang hakmilik tanah itu bukan hak Kerajaan akan dapat meninggikan lagi atau menambahkan lagi peruntukan lebih kurang \$20 juta yang telah diperuntukkan dalam Rancangan Malaysia Keempat untuk sekolah jenis macam itu, dan juga projek sekolah-sekolah yang hakmiliknya ialah Kerajaan, sekolah-sekolah ini banyak berada di luar bandar dan juga di dalam kampung baru. Jadi dalam Rancangan Malaysia Keempat ini kita akan menambahkan sekolah-sekolah itu dari segi pembinaan dan juga dari segi menambahkan kemudahan-kemudahan dan sebagainya.

Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah juga menyentuh tekanan terhadap 3M untuk sekolah-sekolah khasnya di peringkat sekolah rendah dan juga beliau berharap sebelum kita dapat melaksanakan dengan sepenuhnya perakuan daripada Laporan Jawatankuasa Kabinet itu beliau berharap guru-guru dapat diadakan supaya mereka dapat memberikan perhatian dan juga dari segi pengajaran mereka dapatlah diberikan tekanan kepada 3M ini. Memang ini sudah dapat kita laksanakan dan Pusat Pengembang Kurikulum ini akan dapat menyemak semula sukatan-sukatan di peringkat rendah dan untuk masa interim period ini, tentulah kita sudah mulai mengajar terhadap perkara 3M ini dan kita berharap barangkali dalam masa 3-4 tahun ini bila kita dapat menyusun semula semua sukatan-sukatan pelajaran di dalam peringkat rendah, kita akan dapat satu kurikulum yang lebih lengkap dan sesuai untuk tekanan terhadap 3M ini, tentulah masa akan datang di peringkat sekolah rendah akan dapat lebih berkesan dan lebih sesuai dengan hasrat ibubapa dan negara kita ini.

Ahli Yang Berhormat itu juga menyentuh berkenaan dengan Pusat Penuntut di seberang laut atau diluar negeri, dikatakan peruntukan yang telah diperuntukan itu tidak berapa memuaskan atau mencukupi. Untuk menjelaskan perkara ini, peruntukan yang dipohon itu ialah untuk penyenggaraan Pusat-pusat Pelajar yang keperluannya untuk menampung belanja bayaran api, air dan lain-lain. Jadi untuk menambah kemudahan dan

sebagainya kepada Pusat Penuntut, kita ada peruntukan yang lain dan juga dalam Rancangan Malaysia Ketiga kitapun telah meluluskan peruntukan yang terbesar untuk membina pusat-pusat di negara-negara yang didapati ada ramai penuntut-penuntut kita.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar ada menyebut perkara berkenaan dengan kesedaran daripada golongan-golongan tertentu untuk memahami integrasi dan juga memahami untuk kepentingan negara kita khasnya tawarikh yang mana kemerdekaan kita dapat dicapai dan sebagainya supaya generasi muda akan dapat lebih memahami perkara itu dan juga dapat lebih mencintai negara kita. Memang melalui sistem pendidikan pada hari ini kita pun ada memberikan fahaman itu kepada murid-murid kita khasnya melalui matapelajaran Sivik, Sejarah dan sebagainya tetapi soal ini barangkali tidak dapat disempurnakan jika hanya bergantung kepada persekolahan atau pendidikan sahaja. Kita berharaplah dapat pihak-pihak yang lain khasnya ibubapa dan keluarga yang mana mereka itu dapat merasa kejayaan kemerdekaan negara kita, tentulah mereka lebih faham berkenaan dengan kecintaan negara kita dan jikalau mereka boleh berikan penerangan dan juga tunjuk ajar atau nasihat kepada generasi muda, saya ingat barangkali ini satu cara yang boleh dapat menolong kita supaya melalui pendidikan itu dapatlah kita melahirkan satu generasi yang lebih bersatu-padu, yang lebih berpengalaman dan juga yang lebih berpengetahuan di dalam negara kita untuk masa akan datang.

Ahli Yang Berhormat itu juga menyentuh berkenaan dengan memberikan pengajaran bahasa asing khasnya yang banyak kepada murid-murid kita supaya mereka dapat melengkapkan diri mereka untuk masa hadapan khasnya untuk melanjutkan pelajaran mereka ke seberang laut pada masa akan datang. Sebenarnya ini adalah menjadi satu matlamat bagi Kementerian Pelajaran untuk "varnish warna" banyak kepada murid-murid kita supaya mereka dapat memahami lebih banyak atau mengetahui banyak bahasa-bahasa asing tetapi untuk sementara waktu kita memberi tekanan atau perhatian yang berat kepada bahasa yang kedua iaitu bahasa Inggeris di negara kita dan juga baru-baru ini kita telahpun memberikan perhatian atau tekanan yang berat kepada bahasa Arab. Jadi untuk masa ini kedua-dua bahasa ini

kita dapat berikan perhatian yang lebih berat tetapi ini tidak bermakna bahasa seperti bahasa Perancis, Jerman, Jepun dan sebagainya tidak diberikan perhatian. Maktub Pengurusan Bahasa kita akan dapat mengadakan program untuk melengkapkan dari segi pengajaran bahasa-bahasa yang saya sebutkan tadi dan juga ada kemungkinan dari segi memberikan kemudahan untuk pembelajaran bahasa-bahasa asing ini barangkali akan dapat dilakukan kepada sekolah-sekolah menengah yang mana ada keperluan, yang mana murid-murid atau penuntut itu berkehendakkan untuk melanjutkan pelajaran ke negara-negara asing di masa akan datang.

Yang Berhormat dari Tanjong Karang ada menyentuh soal berkenaan dengan tanah atau tapak sekolah. Soal ini saya kira satu soal yang barangkali ganjil sedikit oleh kerana di banyak kawasan-kawasan tidak timbullah perkara ini. Bagaimanapun perkara ini tentulah kita tidak boleh mendakwa satu pihak betul dan satu pihak lagi tidak betul atau salah. Tentulah dua kesalahan tidak menjadikan satu kebetulan (two wrongs cannot make one right). Barangkali ini adalah mustahil untuk kita mendakwa mana-mana pihak. Jadi saya berharap pihak-pihak yang berkenaan boleh mengambil perhatian atas perkara ini dan dari segi pihak Kementerian Pelajaran atau Jabatan Perdana Menteri tentulah akan dapat menolong supaya tapak-tapak sekolah yang masih tidak jelas lagi boleh dapat dijelaskan. Saya berharap kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada menjadi Pengerusi, Lembaga Jemaah Sekolah atau Pengerusi PIBG boleh memimpin supaya perkara ini dengan kerjasama Kementerian Pelajaran dan juga pihak Pejabat Tanah/Daerah boleh dapat menyelesaikan perkara-perkara yang berkaitan dengan tapak sekolah itu.

Yang Berhormat dari Panti telah menyuarakan supaya kita dapat memberikan lebih pendidikan vokasional di dalam negara kita ini. Memang ini adalah menjadi matlamat Kementerian Pelajaran dalam Rancangan Malaysia Keempat khususnya daripada perakuan Laporan Jawatankuasa Kabinet yang mana dikatakan masa akan datang kita akan memberikan tekanan kepada pelajaran teknikal dan vokasional. Oleh sebab itu dalam Rancangan Malaysia Keempat kita akan dapat mendirikan lebih 12 buah lagi, kalau tidak silap saya, sekolah-sekolah vokasional di dalam tanahair kita ini dan juga kita akan

dapat melengkapkan asrama-asrama yang sedia ada dan juga asrama-asrama akan dapat didirikan di samping pembinaan sekolah-sekolah vokasional itu. Dan murid-murid akan dapat dipilih dan ditemuduga supaya sesuai dengan pengambilan dan sukatan-pelajaran di dalam Sekolah Menengah Vokasional itu akan disusun supaya ia akan dapat memberikan kursus-kursus yang lebih bermakna dan lebih sesuai dengan keperluan negara khususnya dari segi perindustrian dan perusahaan di dalam negara kita ini.

Satu cadangan daripada Ahli Yang Berhormat itu ialah untuk mengadakan kursus petroleum di Sekolah Menengah Vokasional itu, ini satu cadangan yang baik yang mana kita tahu perusahaan petroleum ini akan menjadi satu perusahaan yang penting dan juga akan dapat memberikan pendapatan negara yang banyak untuk kita di masa akan datang dan tentulah buat masa sekarang dan masa-masa akan datang kita akan masih berkurangan banyak tenaga-tenaga yang mahir khususnya di peringkat kemahiran dan juga di peringkat buruh. Kita memerlukan tenaga buruh yang mahir dan ini barangkali kita ambil perhatian dan kita harap akan dapat diberikan pertimbangan untuk mengadakan kursus petroleum di dalam Sekolah-sekolah Menengah Vokasional kita.

Tentang cadangan supaya pengajaran agama dapat diwajibkan dan juga diberi peperiksaan dengan wajib dan juga markah akan dapat diberikan supaya ini dapat dengan cara langsung dan tidak langsung akan dapat memajukan pengajaran agama dan juga dapat meningkatkan kelakuan dan juga alat kepada murid-murid khususnya murid-murid beragama Islam, perkara ini tentulah kita akan mengambil perhatian jikalau perkara ini tidak melibatkan kepada pengajaran akademik dan juga peperiksaan dan mata pelajaran-mata pelajaran yang tertentu itu maka dapatlah kita memberikan pertimbangan kepada cadangan ini.

Tuan Pengerusi, barangkali tidak dapatlah saya memberikan penjelasan dan juga keterangan berkenaan dengan semua perkara-perkara yang telah disentuh di dalam masa perbincangan berhubung dengan perbelanjaan Kementerian Pelajaran ini. Sekali lagi saya bagi pihak Kementerian saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih lagi sekali kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi sumbangan dalam perbincangan ini. Kita yakin

dengan kerjasama dan dengan apa yang kita rancang khasnya daripada perakuan-perakuan yang telah diperakukan daripada Laporan Kabinet ini yang mana 173 perakuan-perakuan itu kita akan dapat laksanakan berperingkat-peringkat dari segi batasan, kawalan tenaga dan sebagainya. Walau bagaimanapun, apa yang telah diperakukan dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet ini dan juga kita harap dengan kestabilan politik dan ekonomi di negara kita ini dengan kemakmuran yang mana pendapatan dari negara kita dapat bertambah, tentulah rancangan-rancangan dan juga program-program yang kita telah rancang itu tentulah lekas untuk meninggikan mutu pendidikan dalam tanah air kita ini dapat dilaksanakan dengan sewajarnya.

Tuan Pengerusi, apa yang saya tidak dapat jawab, perkara-perkara itu akan diambil perhatian oleh Kementerian Pelajaran dan tindakan akan dapat diambil dengan sewajarnya supaya perkara-perkara itu jika didapati perlu, tentulah akan dapat perhatian dan akan dapat dilaksanakan. Lagi sekali saya ucapkan terima kasih dan dengan ini saya mohon mencadangkan.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$2,805,118,000 untuk Maksud B. 31 di bawah Kementerian Pelajaran jadi sebahagian daripada jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$2,805,118,000 untuk Maksud B. 31 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan yang disebutkan dalam Maksud P. 31 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1981 sebanyak \$293,949,160 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$293,949,160 untuk Maksud P. 31 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1981.

Maksud B. 32 (Jadual)—

Maksud P. 32 (Anggaran Pembangunan, 1981)—

Tuan Pengerusi: Kepala B. 32 di bawah Kementerian Luar Negeri sebanyak \$79,508,600 dan Kepala P. 32 Pembangunan berjumlah \$7,493,000 di bawah Kementerian Luar Negeri terbuka sekarang untuk dibahas. Yang Berhormat dari Tanah Merah.

5.08 ptg.

Tuan Hussein bin Mahmood: (Tanah Merah): Saya merujuk kepada B. 32 muka surat 301, Butiran 1100, Program 2 (a) Politik.

Tuan Pengerusi, di dalam dunia yang serba moden dan kompleks mengenai politik pada hari ini maka sudah tentu tugas pihak Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri adalah menjadi rumit kadangkala untuk menghadapi masalah-masalah yang timbul, terutama sekali apabila masalah-masalah yang timbul itu wujud bertentangan dengan kehendak sama ada piagam Bangsa-bangsa Bersatu ataupun keputusan yang dibuat oleh Persidangan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Walaupun demikian, nampaknya setakat hari ini Kementerian Luar Negeri Malaysia dalam keadaan berhati-hati dalam masalah politik antarabangsa ini telahpun membuat perhitungan yang baik dan betul, terutama sekali mengenai Kampuchea, Afghanistan dan juga peristiwa Israel.

Seterusnya saya ingin memberi ingatan kepada Kementerian Luar Negeri bahawa walaupun setakat ini keputusan-keputusan tentang pendirian yang diambil oleh Kementerian Luar Negeri mengenai isu-isu yang saya sebutkan tadi adalah merupakan keputusan-keputusan yang baik, tetapi perkara ini hendaklah dipertimbangkan dari masa ke masa kerana saya takut kita akan menjadi permainan kepada kuasa-kuasa besar kerana kita dapati dalam dunia pada hari ini satu perkara yang dilaksanakan itu sama ada yang dipersetujui oleh keputusan Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu ataupun sebarang persidangan antarabangsa, ianya tidak dilaksanakan kiranya tidak mendapat backing atau sokongan daripada kuasa-kuasa besar.

Misalnya, Tuan Pengerusi, dengan isu Israel. Israel sejak pada tahun 1948 sehingga hari ini telah berkali-kali menerima keputusan-keputusan daripada Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu yang mana tidak sekalipun diikuti oleh Israel. Ini ialah kerana gergasi barat berada di belakang, apatah lagi,

dengan keadaan pertukaran Kerajaan-kerajaan di Amerika. Dengan pilihanraya Presiden baru-baru ini nampaknya kedudukan Israel adalah bertambah kuat dengan janji-janji yang dibuat oleh Presiden "elite" Dan sebagaimana saya kata tadi kita mungkin tersepit kerana di satu pihak kita perlu berbaik-baik dengan Amerika dan satu pihak lagi kita tidak dapat menerima sikap (attitude) Amerika terhadap Israel kerana ini adalah bertentangan dengan kehendak negara-negara dunia ketiga dan juga kehendak Persidangan Negara-negara Islam yang mana kita menjadi ahlinya. Dengan ini juga, kita dapati bahawa pada hari ini kuasa-kuasa besar adalah sengaja mempermainkan negara-negara kecil.

Ini berlaku kepada negara kita sendiri. Kita telahpun mempunyai hubungan diplomatik dari segi politik dengan Republik Rakyat China sejak beberapa tahun. Tetapi Republik Rakyat China pada hari ini tidak pun lagi dapat memutuskan hubungan mereka dengan perjuangan Parti Komunis Malaya walaupun dari segi rasminya hubungan ini adalah di antara parti dengan parti. Memandangkan bahawa di Republik Rakyat China hanya kedatangan sebuah parti politik sahaja iaitu Parti Komunis China maka sebarang perkara yang diputuskan oleh Parti Komunis China itu adalah juga merupakan keputusan Kerajaan Republik China, maka tidak ada lojiknya mengatakan bahawa perhubungan dengan Parti Komunis Malaya itu antara Parti dari negeri China (PRC) dengan Parti Komunis Malaya. Manakala Kerajaan PRC pula adalah mengiktiraf Kerajaan Malaysia yang wujud pada hari ini.

Inilah di antara dua jenis double standard yang dimainkan oleh Kerajaan-kerajaan besar di dunia pada hari ini. Alhamdulillah, dalam masalah PRC ini mereka berterang mengatakan demikian. Tetapi kepada negara-negara besar yang lain juga kita dapati perkara-perkara semacam ini

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, dalam muka surat 301, B. 32 berkenaan dengan Penerangan Luar Negeri. Soalnya ialah berkenaan dengan satu pentadbiran bukanlah berkenaan dengan dasar umum. Kalau boleh Yang Berhormat tumpukan kepada pentadbiran dan cara hendak menerangkan, itu lebih baik.

Tuan Hussein bin Mahmood: Terima kasih. Begitulah, Tuan Pengerusi, saya mengharapkan bahawa dalam masalah perhubungan politik antarabangsa yang dikelolakan oleh pihak Kementerian Luar Negeri ini kita hendaklah berhati-hati supaya kita jangan tersepit di tengah-tengah hasrat dan kemahuan kuasa luar. Mungkin juga mereka hendak menggunakan kita sebagai "puppet" di suatu tempat ataupun hendak menggunakan kita sebagai landasan supaya kita akan bergaduh dengan pihak lain.

Seterusnya, saya ingin berhijrah pula kepada Program (3) Ekonomi (a) Asean.

Tuan Pengerusi, ASEAN ditubuhkan dengan tujuan kerjasama ekonomi, kebudayaan, dan sosial di antara negara-negara Asean sepertimana yang kita maklum iaitu negara-negara yang terdapat di Tenggara Asia ini. Saya ingin mencadangkan di bawah perkara ini supaya kita memperkuatkan lagi perhubungan ekonomi, kebudayaan dan juga sosial di antara negara-negara ini. Umpamanya, kita hendaklah mengadakan pertukaran lawatan di antara rakyat dari sebuah negara ke sebuah negara yang lain. Misalnya, rakyat Malaysia melawat Filipina ataupun rakyat Malaysia melawat Indonesia. Saya tidak mengatakan Singapura ataupun Thailand, kerana selalunya Singapura dan Thailand tanpa diadakan oleh pihak Kementerian sendiri pun pihak Rakyat Malaysia sendiri dapat mengunjung ke Singapura dan juga Thailand kerana kita adalah berjiran.

Di dalam masalah pertukaran lawatan ini, Tuan Pengerusi, saya mencadangkan supaya usaha-usaha banyak ditekankan kepada pertukaran dari segi belia-belia terutama sekali penuntut-penuntut. Saya tidak menafikan setakat hari ini ada usaha-usaha pertukaran lawatan penuntut-penuntut atau belia-belia di kalangan negara-negara ASEAN. Tetapi perkara ini hendaklah kita perbanyakkan lagi memandangkan bahawa masa depan rantau ini adalah bergantung kepada keutuhan rantau ini sendiri. Kiranya negara ini mempunyai suatu kemahuan yang bersatu dari segala segi sama ada dari segi politik, sama ada dari segi ekonomi, sama ada dari segi kebudayaan ataupun dari segi-segi yang lain, maka kita akan dapat mengwujudkan suatu kawasan yang kuat sepertimana yang diwujudkan oleh EEC di Eropah. Dan dengan wujudnya satu kawasan yang kuat ini, maka insya Allah segala rundingan di peringkat antarabangsa, tekanan (weigh) yang diberi

oleh negara-negara besar ataupun kuasa-kuasa besar tentu agak lebih sedikit daripada masa-masa yang lepas.

Seterusnya, saya mencadangkan kita memperdekatkan lagi dari segi kebudayaan selain daripada lawatan tadi dengan menubuhkan pusat-pusat pengajian tinggi yang mana buat permulaannya wujud di tiap-tiap negara-negara ASEAN ini di mana pengajian mengenai negara-negara ahli ASEAN yang lain diadakan. Misalnya di tiap-tiap universiti yang terdapat di Malaysia pada hari ini yakni lima buah universiti ini biarlah diadakan kursus mengenai tamaddun, kebudayaan, bahasa, ekonomi dan lain-lain mengenai negeri-negeri ASEAN yang lain supaya di antara satu sama lain dapat mengenali dengan lebih dekat dan lebih tepat lagi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Hussein bin Mahmood: Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

5.16 ptg.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk bercakap di dalam Maksud B. 32, Kementerian Luar. Di dalam Program (2) Politik dan Penerangan, (b) Penerangan Luar Negeri.

Saya ingin menyentuh perkara ini adalah kaitan dengan kedudukan pelajar-pelajar kita di luar negeri. Saya tidak tahu sejauh mana Kementerian ini telah mengambil peranannya di dalam memberi penerangan kepada pelajar-pelajar kita di luar negeri untuk menentukan yang pelajar-pelajar ini dapat benar-benar memahami tentang dasar Kerajaan dan juga cuba hendak mengetahui tentang politik negara ini secara sihat.

Sebagaimana yang kita maklum, kita tahu bahawa pelajar-pelajar di luar negeri ini selalunya tidak faham dan tidak tahu memahami tentang dasar Kerajaan kita dan keadaan inilah menyebabkan mereka itu cuba mengkritik mengikut kehendaknya dan juga mengikut selernya sebagaimana yang mereka fahami. Jadi peranan Kementerian Luar Negeri hendaklah memberi penerangan

yang sewajarnya kepada mereka itu kepada dasar-dasar yang betul dan juga mendahului penerangan itu daripada golongan-golongan lain. Dan juga kalau boleh pihak Kementerian ini akan menghalang daripada pelajar-pelajar kita itu ditemui oleh pihak-pihak pembangkang dan juga pemimpin-pemimpin lain yang tidak bertanggungjawab supaya tidak memberi penerangan yang salah kepada mereka itu dan juga menceritakan politik yang tidak benar apa yang berlaku di negara kita ini.

Kadang-kadang kita dapati bahawa pemimpin-pemimpin Pembangkang ini selalu memberi penerangan melalui anak-anak mereka dan sudah tentulah anak-anak daripada golongan ini akan mempunyai sikap dan pemikiran tidak jauh daripada bapanya sebagaimana kata pepatah Melayu: bapa borek, anak rintik dan juga bagaimana acuan itulah kuehnya. Begitulah pemikiran yang telah ditanam oleh ibubapa dari sejak lahirnya kanak-kanak itu. Apabila anak-anak itu ke luar negeri maka anak-anak itu akan disosialisasikan dengan keadaan-keadaan yang ada di luar negeri dan juga telah menerima penerangan-penerangan yang tidak sihat, penerangan-penerangan yang salah tentang dasar Kerajaan dan juga penerangan-penerangan yang tidak praktikal sebagaimana yang terdapat di negara-negara lain.

Sebagaimana yang kita tahu walaupun sesuatu dasar Kerajaan, sesuatu sistem yang ada di dalam pemerintahan negara yang kita anggapkan berjaya, yang kita dapati berjaya di sebuah negara yang lain tidak mesti kejayaannya itu akan juga berjaya dalam negara kita, kerana negara kita adalah sebuah negara yang berbilang kaum dan juga sebuah negara di dalam proses pembangunan. Kalau sekiranya kita hendak mencontohi sesuatu kejayaan sesebuah negara yang lain mempunyai nilai yang tidak sama dengan negara kita dan juga mempunyai keadaan yang tidak serupa dengan negara kita, maka ini adalah merupakan suatu tiori atau perkara yang salah hendak dibawa ke dalam negara kita. Oleh itu, penerangan-penerangan hendaklah diberi kepada pelajar-pelajar kita oleh pihak Kementerian Luar Negeri sebelum kanak-kanak itu meninggalkan negara ini, penerangan-penerangan apa yang patut dialami dan apakah dasar Kerajaan yang ada sekarang. Apabila sampai ke luar negeri anak-anak itu diberi pula penerangan tentang apa yang sepatutnya difahami

tentang dasar dan juga sistem pemerintahan negara kita dan juga politik negara kita supaya mereka tidak terpengaruh dengan penerangan-penerangan lain yang mungkin akan disampaikan dahulu daripada kita. Sebab itu penerangan ini hendaklah didahulukan kepada mereka dan apabila mereka itu balik ke negara ini sebelum mereka mengetahui sebenarnya mereka itu juga akan diberi penerangan keadaan dasar dan politik yang ada dalam negara ketika itu, tidaklah benda ini akan dipenuhi dan akan didahulukan oleh pihak-pihak Pembangkang, pihak pemimpin-pemimpin yang tidak bertanggungjawab untuk memberi penerangan kepada anak-anak kita, kerana kita tahu penerangan yang pertama itu adalah lebih berkesan kepada anak-anak kita daripada penerangan-penerangan yang berikutnya.

Selain daripada itu juga, di dalam perkara ini saya minta kepada pihak Kementerian supaya anak-anak kita yang belajar di luar negeri balik segera ke negara kita. Ini telah saya bangkitkan dalam perbahasan dasar tetapi tidak kena Kementerian ini, cuma saya minta kerjasama Kementerian ini supaya anak-anak kita yang telah habis kursus di luar negeri itu balik segera ke negara kita untuk menjalankan tugas, misalnya, dalam tempoh sebulan atau dua bulan sahaja, tidak semestinya sampai 7 atau 8 bulan sebagaimana tahun ini telah berlaku sekumpulan pelajar telah tamat pengajian dalam bulan Jun dan Julai dahulu hanya sampai ke negara kita dalam bulan Oktober dan November baharu-baharu ini kerana kumpulan ini telah singgah di India dan juga di Pakistan kononnya untuk belajar agama. Jadi, saya rasa bagi golongan-golongan ini di dalam negara kita sudah mencukupi untuk mereka mempelajari agama, kerana kita bimbang agama-agama yang dipelajari itu terlampau berat, agama yang mungkin bagi peringkat permulaan tidak dapat diterima oleh mereka dan terus diamalkannya dengan membuta tuli tanpa mempunyai asas-asas yang tertentu. Oleh itu biarlah mereka itu balik dengan segera kerana mereka ini kalau silap cara yang diterima itu mereka ini akan membawa unsur-unsur yang tidak baik itu ke dalam masyarakat kita itulah timbulnya perkara-perkara yang tidak baik.

Selain daripada itu juga saya minta Kementerian ini sebelum pelajar-pelajar itu ke luar negeri misalnya walaupun dengan syarat yang mereka pergi dengan biasiswa Kerajaan atau

pergi dengan bersendirian anak-anak itu hendaklah ditapis benar-benar tentang keadaan dan kebolehannya memahami dan mengerti tentang apa yang saya sebutkan tadi. Kita takut anak-anak ini diracuni dengan cara-cara di luar negeri yang cuba juga hendak membawa perkara-perkara itu ke dalam negara kita yang saya rasa mereka itu kalau dibiarkan akan boleh merosakkan rakyat kita yang ada di dalam negara ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kangar.

5.27 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Pengerusi, Maksud Bekalan B. 32, Butiran 1100, Program (1) Pentadbiran Am (b) Keselamatan dan Perhubungan. Tuan Pengerusi, kita mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan kita ini yang pandai memainkan peranan yang agak bersesuaian dengan keadaan negara kita. Pertama, baharu-baharu ini satu Sukan Olimpik yang dicadangkan diadakan di Moscow kalau tidak silap saya, Malaysia yang menjadi johan bolasepak bagi kumpulan di Asia tetapi oleh kerana sikap negara Russia terhadap Afghanistan maka negara kita telah menarik balik, di atas sikap yang tegas semacam ini saya mengucapkan ribuan terima kasih.

Tuan Pengerusi, yang kedua tentang Keselamatan dan Perhubungan. Walaupun negara kita dan banyak negara tidak akan berlaku tetapi saya berharap kalau boleh Kementerian kita patutlah berhati-hati supaya jangan terjadi macam berlaku di negeri Iran yang mana rakyat Amerika telah menjadi tebusan seramai 52 orang. Jadi, maksud saya disamping kita mencari kebaikan baik pun negara ASEAN dan seluruh negara-negara yang ada dalam dunia ini hendaklah berhati-hati betul. Pendek kata, kalau kita tengok satu-satu negara itu tidak begitu bersesuaian dengan kita atau satu-satu sebab yang orang kita di sana akan jadi sebagai tebusan dan sebagainya sebagaimana Amerika dan Iran, saya berharap lekas-lekaslah tarik balik kalau kita dengar angin-angin perkara macam itu terjadi. Janganlah benda itu terjadi dibuat pula berbagai-bagai syarat macam Iran dengan Amerika kita tengokpun sangatlah teruk. Sungguhpun sekarang boleh dikatakan sebuah negara sahaja berlaku tetapi ini sebagai satu pengajaran bukan sahaja saya fikir kepada Amerika bahkan pengajaran kepada

seluruh dunia. Jadi pendek kata satu-satu kita hendak tolong orang kita hendaklah kaji apa akibatnya akan terjadi kerana menolong satu sama lain mengakibatkan kepada orang lain yang tidak berdosa akan terlibat dengan satu-satu kejadian contohnya sebagaimana saya katakan tadi.

Tuan Pengerusi, di samping itu juga saya berharap sangat-sangat dari segi penerangan luar sebagaimana yang dikatakan oleh kawan saya dari Pasir Puteh tadi. Saya percaya satu-satu perkara itu ialah di atas iklan ataupun cara-cara untuk memberitahu dengan cara mengeluarkan berbagai-bagai perbelanjaan macam mana yang biasa kita tengok dalam iklan, dalam TV dan sebagainya. Satu-satu perkara yang tidak begitu tinggi agak saya mutunya tetapi oleh sebab cara iklannya bagus, cara penarikannya bagus benda yang begitu mudah laku dan sebagainya.

Berbalik saya tengok kepada negara-negara yang dekat dengan kita ASEAN. Ada setengah negara yang lebih kecil daripada kita; ini bukanlah maksud saya kita dengki ataupun cemburu tetapi dengan tidak ada tanaman dan tumbuhan yang banyak macam negara kita tetapi kita tengok pelabuhan mereka baik lapangan terbang, begitu juga pelabuhan laut yang boleh dikatakan selalu kapal-kapal dagang berlabuh di situ tidak berhenti-henti, apatah lagi bila kita tengok tempat pelancungan dan sebagainya. Jadi, saya berpendapat, Tuan Pengerusi, dari segi ini ialah disebabkan kekurangan penerangan daripada negeri kita sendiri dari segenap segi termasuklah segi ekonomi dan sebagainya. Kalau kita hendak bandingkan, Tuan Pengerusi, negara kita adalah sebuah negara yang maju dengan suasana tumbuhan, hawa negaranya yang baik dengan bukit bukau, saya percaya ada setengah negara kita tengok yang tidak begitu indah macam negara kita tetapi boleh dikatakan banyak pelancung-pelancung datang daripada Barat dan sebagainya melancung pada negara tersebut, sedangkan negara kita boleh dikatakan sebuah negara yang indah bila kita dengar pelancung-pelancung yang melawat negara kita mereka memuji kita tetapi yang datang itu kebanyakan pemimpin sama pemimpin memuji negara kita. Tetapi ada setengah-setengah negara lain, bukan sahaja pemimpin itu yang datang tetapi juga rakyatnya.

Misalnya, di setengah negara ada rakyat biasa, ahli perniagaan dan sebagainya melawat. Dengan melawat cara pelancung inilah kita tahu mendapat hasil yang cukup banyak. Saya percaya di sini ialah penerangan dari Kementerian Luar Negeri. Saya berharap kalaulah didapati pegawai-pegawai kita tak cukup dalam kedutaan, tambahlah pegawai-pegawai itu lagi. Buat hubungan-hubungan dagangan dan berbagai-bagai, janganlah kata orang tiap-tiap pegawai ataupun duta, konsul dan sebagainya, cara protokol sahaja, ada majlis Duta Besar Malaysia hadir, tetapi carilah punca-punca yang akan membawa ekonomi kepada negara kita. Macam kita tengok hari ini seolah-olah ekonomi negara kita Malaysia ini walaupun Kementerian Luar Negeri kita ada tetapi tugas besarnya kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Saya tak nafi Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ialah Kementerian yang mencari pelabur, modal dan sebagainya. Seolah-olah satu negara yang datang melabur modal di sini terpaksa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang juga sebagai Menteri Perdagangan dan Perindustrian pergi melawat satu negeri menerangkan . . .

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Maksud B. 32, Program (2) Politik dan Penerangan, iaitu penerangan luar negeri bukanlah ada kena-mengena dalam soal Jawatankuasa ini dengan soal perdagangan, pelancungan, semua sekali. Tolong tumpukan kepada politik dan penerangan sahaja.

Tuan Shaari bin Jusoh: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Maksud saya begini, penerangan luar negeri berkenaan dengan ekonomi yang saya kata ada di sini. Maksud saya kalau tak silap, kita juga hendak cari selain daripada perpaduan macam mana saya katakan tadi kita juga hendak cari pedagang-pedagang daripada luar ke negara kita. Itu dia hendak kena tahulah kedudukan negara kita yang baik dari segi perdagangannya dan sebagainya. Ini saya berharap sangat-sangat Kementerian Luar Negeri memainkan peranannya sungguh-sungguh aktif di segi ini.

Begitu juga di segi-segi lain, macam di segi keselamatan dan sebagainya. Petang semalam kita dengar dari TV, Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan telah mengumumkan yang pihak Kastam Malaysia dengan Kastam Thai akan mengadakan

hubungan yang rapat. Saya percaya perkara-perkara seperti ini dimainkan peranan dahulu oleh Kementerian Luar Negeri kita yang ada di mana-mana negeri. Ini saya harap sangat-sangat Kementerian berkenaan selain daripada yang dimainkan oleh Menteri-menteri Kabinet, pihak Kementerian Luar Negeri yang mana ada di tiap-tiap negeri, orang-orang inilah dahulu memainkan peranan yang lebih utama.

Tuan Pengerusi, satu lagi di segi hubungan ini juga kita berharap sangat yang kita akan berbaik dengan negara-negara luar, apatah lagi negara ASEAN yang berjiran dengan kita. Di samping itu bak kata orang janganlah kita berbaik dengan satu negara yang berjiran dengan kita, kita beri berbagai-bagai kemudahan. Misalnya, saya kata negeri yang berjiran dengan kita, iaitu negeri Thai. Kita mengucap terima kasih kepada Kerajaan kita yang begitu baik hati kerana memberi berbagai-bagai hubungan, kemudahan kepada rakyat Thai, hendak masuk dalam negara kita, kita tolong beri kemudahan sehinggakan kita beri kemudahan mereka ini datang membeli ke Pulau Pinang dengan murah daripada rakyat yang ada dalam negara kita sendiri, tempat yang dikecualikan cukai. Tetapi kadang-kadang yang sedih bila kita pergi ke negara yang berjiran dengan kita, saya percaya ini selalu kita dapati disungut oleh pihak-pihak yang melawat ke negara-negara jiran, baikpun negara jiran kita yang dekat daripada selatan Malaysia, iaitu Singapura, begitu juga yang di utara Malaysia kadang-kadang kepayahan dan banyak sangat red tape dan kadang-kadang kalau lebih daripada jam sedikit, masa yang tak sesuai dikenakan bayaran tambahan dan sebagainya. Pendek kata, rakyat kita bila hendak melawat ke negeri jiran dia berasa seolah-olah tersinggung dengan berbagai tekanan dan sebagainya, tetapi bagi negara kita sendiri kita beri kemudahan, macam pelancung-pelancung yang datang daripada negara kita yang dekat.

Kita memang hendak pelancung macam mana saya katakan tadi, tetapi hendaklah kita kaji dari segi keselamatan. Kadang-kadang ada setengahnya masuk ikut Changloon, begitu juga Padang Besar, bas-bas pelancung dan sebagainya masuk ke Malaysia. Biasa berlaku bas-bas yang masuk itu tak ada permit dan tak ada berbagai-bagai dokumen. Pendek kata, kalau berlakulah satu pelanggaran dengan rakyat kita ini kita

amatlah takut walaupun setakat hari ini tidak berlaku lagi. Dengan sebab itu, sebagaimana saya katakan tadi di samping kita akan berbaik-baik dengan negara asing, itu adalah kewajipan kita bersama tetapi di samping itu juga janganlah kata orang kita terlampau baik sehingga rakyat kita sendiri terancam dengan kebaikan-kebaikan itu.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi, baru-baru ini biasa berlaku, khususnya rakyat yang berhampiran dengan Thai, baikpun Kedah atau Perlis biasa berlaku kematian dan sebagainya, kita berharap sangat-sangatlah pertolongan yang ada kepada wakil-wakil kita, konsul dan sebagainya di Thailand memberi pertolongan yang sewajarnya kepada keluarga-keluarga yang berkenaan, kadang-kadang sampai 4 hari barulah boleh mayat yang berkenaan dapat dibawa balik ke tempat yang berkenaan. Jadi banyak sangat red tape sedangkan kita masih ada duta di sana. Ini saya berharap sangat-sangat sebagai negeri yang berjiran, khususnya negara Malaysia yang menjadi jiran kepada negeri Thai tetapi Perlislah sebagai pintu masuk. Pendek kata inilah satu tempat yang selalu segala-gala berlaku.

Tuan Pengerusi, di samping itu juga sebagaimana dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah tadi

Tuan Pengerusi: Ada satu minit lagi Yang Berhormat.

Tuan Shaari bin Jusoh: Ya. Sebagaimana dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah tadi, saya bersetuju sangat perhubungan ini patutlah diertatkan, pertukaran di antara rakyat negeri-negeri, apatah lagi negeri yang berjiran. Di samping negeri yang berjiran utamakanlah negeri-negeri yang empat yang mana negara Malaysia adalah berjiran: dengan Thai, Singapura, Indonesia dan Filipina. Maksud saya utamakanlah negeri-negeri yang menjadi sempadan dengan negara-negara berkenaan di segi perhubungan. Saya berharap kalau boleh biarlah pada segi Ketua-ketua Pejabat, ketua-ketua macam negeri Thai sebagai Tok Niban ataupun Penghulu dan sebagainya hendaklah diadakan hubungan selalu. Maka dengan ini menjadikan satu kemudahan, hubungan pergi-balik, apatah lagi negara-negara yang menjadi negeri berjiran sebagaimana saya sebutkan tadi.

Tuan Pengerusi, dengan ini sekali lagi saya menyokong peruntukan yang telah diminta oleh Kementerian berkenaan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Baling.

5.36 ptg.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad (Baling): Tuan Pengerusi, saya akan bercakap juga dalam B. 32, muka surat 301 mengenai Pentadbiran Am. Saya akan menyentuh mengenai Pentadbiran Kewangan di Kementerian Luar Negeri, terutama di Kedutaan-kedutaan di Luar Negeri.

Sepertimana yang dilaporkan bahawa terdapat kelemahan-kelemahan yang penting mengenai pentadbiran kewangan di kedutaan-kedutaan kita di luar negeri sebagaimana yang diterang atau dinyatakan oleh Ketua Juru Odit Negara walaupun apa yang dikatakan itu bersabit dengan kelemahan-kelemahan pentadbiran kewangan di Kedutaan Malaysia di Cairo tetapi ia juga menambah bahawa kelemahan-kelemahan yang sama berlaku juga di kedutaan-kedutaan di luar negeri yang lain.

Saya ingin mencadangkan supaya Kementerian Luar Negeri mengambil perhatian berat tentang masalah ini kerana melibatkan kewangan orang ramai dan apa yang ditimbulkan dalam kelemahan itu di antaranya ialah kerana pegawai-pegawai yang dihantar ke sana tidak mempunyai kecekapan dan tidak mempunyai kelayakan yang secukupnya, terutama apabila menghadapi keadaan-keadaan pentadbiran kewangan yang berbeza di negara-negara di mana wakil-wakil kita atau kedutaan kita itu ditempatkan. Jadi adalah penting bagi Kementerian Luar Negeri memperlengkapkan Pegawai-pegawai Kewangan yang berkelayakan yang dapat menghadapi keadaan-keadaan dan suasana-suasana yang berubah. Adalah difahamkan juga bahawa Pegawai-pegawai Kewangan itu tidak pun faham tentang maksud dan dasar-dasar bank reconciliation dan ini menimbulkan masalah-masalah kewangan bagaimana untuk mengimbangkan atau menghadapi keadaan-keadaan pentadbiran kewangan itu.

Yang kedua, saya ingin menyentuh tentang soal keselamatan dan juga perhubungan. Saya ingin menyentuh di sini tentang layanan Kementerian Luar Negeri kepada setengah-setengah daripada rakyat Malaysia yang menghadapi kemalangan di luar negeri. Misalnya

di dalam peristiwa kemalangan kapalterbang di Bangkok dalam tahun 1976 dahulu. Saya difahamkan bahawa warganegara asing yang lain telahpun mendapat ganti rugi kerana mereka mendapat kerjasama daripada Kementerian Luar Negeri masing-masing. Tetapi tidak demikian dengan rakyat Malaysia di mana kemalangan itu melibatkan sekurang-kurangnya dua orang rakyat Malaysia yang sampai sekarang tidak mendapat ganti rugi apa-apa dan pihak Kementerian Luar tidak mengambil sesuatu langkah yang berkesan untuk waris-waris mangsa kemalangan itu mendapat ganti rugi. Salah seorang daripada mereka ialah bekas Kadi Besar Kedah dan sampai sekarang waris mereka tidak mendapat ganti rugi dan saya difahamkan bahawa Kementerian Luar Negeri tidak mengambil berat tentang masalah ini.

Saya juga akan bercakap tentang masalah politik iaitu peranan kedutaan-kedutaan asing untuk mengumpulkan maklumat-maklumat yang berkesan dan peranan kedutaan-kedutaan kita di luar negeri ini merupakan salah satu daripada sumber untuk kita mendapat maklumat-maklumat bagi merancang dasar-dasar mengenai luar negeri. Saya timbulkan disini mengenai kelemahan-kelemahan di dalam mengumpulkan maklumat-maklumat mengenai politik di kedua-kedutaan di luar negeri, terutamanya kedutaan-kedutaan yang tidak ada hubungan sama ada dari segi kita masuk ke negara-negara Komanwel ataupun ASEAN.

Pegawai-pegawai kita yang berkhidmat di luar negeri di setengah-setengah tempat mereka berkhidmat dalam masa yang singkat atau dalam masa dua tahun atau dua tahun setengah dan masa dua tahun itu ialah masa mereka bekerja, bukan masa mereka belajar. Kalau masa dua tahun itu juga digunakan oleh mereka untuk belajar semata-mata, sudah tentulah kita tidak akan dapat mengumpulkan maklumat-maklumat yang berkesan mengenai negara tersebut. Oleh yang demikian perlulah sebelum seseorang pegawai itu dihantar ke sesebuah negeri ia hendaklah dilengkapi dengan maklumat-maklumat yang luas mengenai negara tersebut. Oleh kerana pegawai-pegawai kita yang dihantar untuk bertugas dalam bidang politik itu tidak begitu faham tentang masalah-masalah yang dihadapi dalam negara tersebut dan perkembangan-perkembangan serta latar belakang politik negara tersebut.

seringkali maklumat-maklumat yang disampaikan itu tidak jauh berbeza dengan laporan-laporan yang terdapat dalam *Newsweek* ataupun *Times*.

Saya difahamkan dari sumber-sumber yang dipercayai bahawa terdapat suatu keadaan di mana laporan-laporan yang disampaikan kepada Kementerian Luar Negeri oleh pegawai-pegawai berkenaan itu memberikan suatu gambaran yang salah terutamanya mengenai perkembangan Islam dan hubungan dengan negara-negara Islam dan ini menimbulkan suatu keadaan yang boleh menyebabkan kita mengambil suatu tindakan yang salah di dalam menentukan dasar kita dalam hubungan kita dengan negara-negara Islam.

Tuan Pengerusi, di dalam keadaan sekarang ini negara kita telah menentukan priority dalam memberi kerjasama dengan negara-negara luar. Dalam keadaan sekarang kita dapati bahawa keutamaan dalam hubungan luar negeri diberikan kepada negara-negara ASEAN, yang keduanya mungkin negara Komanwel, yang ketiganya negara-negara berkecuali dan kemudian negara-negara Islam. Keutamaan-keutamaan ini perlulah dikaji semula dan peranan bidang politik dan maklumat-maklumat mengenai politik ini adalah penting diperkuatkan bagi mengkaji kemungkinan kita mengutamakan negara Islam sebagai priority atau memberikan keutamaan dalam hubungan kita dengan negara-negara luar.

Kita dapati misalnya Kerajaan masih lagi memberi perhatian yang utama kepada negara-negara Komanwel pada hal negara-negara Komanwel itu sudah berada dalam suatu keadaan yang hidup segan, mati tidak mahu. Jadi penting bagi bidang politik ini mengkaji kemungkinan kita mendekatkan diri kita dengan negara-negara Islam melebihi daripada negara-negara Komanwel ataupun negara-negara berkecuali. Ini tidaklah pula bermaksud bahawa kita tidak mempedulikan hubungan kita dengan negara-negara tersebut, bahkan apa yang dipentingkan ialah keutamaan di mana kita akan mendapat manfaat yang lebih terutamanya dalam perkembangan-perkembangan sekarang ini.

Saya juga akan menyentuh tentang soal ekonomi, walaupun seperti mana yang telah dinyatakan di dalam kenyataan Yang Amat

Berhormat Timbalan Perdana Menteri bahawa Malaysia sedang berusaha untuk mewujudkan suatu susunan baru ekonomi international ataupun ekonomi antarabangsa.

Saya juga menyeru bahawa di dalam mewujudkan sesuatu susunan baru dalam ekonomi antarabangsa di mana dalam keadaan sekarang ini diasaskan kepada dasar-dasar imperialisma yang sudah tidak lagi sesuai dengan perkembangan dan hubungan ekonomi antarabangsa pada masa ini, tetapi untuk kita mewujudkan susunan baru itu perlulah kepada suatu kekuatan sama ada kekuatan politik dan juga kekuatan ekonomi dan juga di mana negara-negara Islam mempunyai potensi yang besar untuk mewujudkan kekuatan ekonomi itu. Dalam hal ini untuk sampai kepada tujuan bagi mewujudkan susunan baru ekonomi international perlulah kita mempelopori suatu kerjasama yang erat di antara negara-negara Islam yang mempunyai potensi yang besar di bidang ekonomi ini.

Tuan Pengerusi: Masa sudah cukup, Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Pagoh, lepas itu Yang Berhormat Setiausaha Parlimen akan menjawab.

5.48 ptg.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin (Pagoh): Tuan Pengerusi, di dalam menyokong peruntukan yang dimohon oleh Kementerian Luar Negeri, saya ingin menyentuh satu dua perkara, pertama di dalam perkara Maksud B. 32, Butiran (Kod) 1100, Pentadbiran Am dan juga Politik dan Penerangan. Saya ingin menyentuh tentang peranan-peranan yang harus dimainkan oleh kedutaan kita di luar negeri khususnya tentang peranan yang harus dimainkan oleh duta-duta kita dan Atase-atase penerangan dan perdagangan kita yang ditempatkan di kedutaan-kedutaan luar negeri.

Banyak perkara-perkara yang telah dibangkitkan sama ada berkaitan dengan kurangnya penjelasan tentang dasar-dasar yang dijalankan oleh negara ini ataupun masalah yang berkaitan tentang sikap pelajar-pelajar kita di luar negeri ditimbulkan

sama ada di dalam Dewan mahupun di luar Dewan. Oleh sebab itu, pihak Kementerian Luar Negeri perlulah mengkaji semula tentang apakah peranan yang lebih berkesan yang patut dijalankan oleh kedutaan khususnya di negara-negara yang kita memberi perhatian lebih dan juga menjalankan kegiatan bukan sahaja yang bersikap sosial ataupun berkaitan dengan perhubungan awam semata-mata, tetapi juga kegiatan lain yang lebih rapat memperkenalkan dasar-dasar Kerajaan berhubung dengan pembangunan, perhubungan kaum yang ada di negara ini supaya tidak menimbulkan salah faham, sebab ada juga tohmah-tohmah dan tuduhan-tuduhan yang dibuat bukan sahaja oleh akhbar-akhbar asing bahkan oleh setengah orang asing tentang tekanan yang dibuat oleh Kerajaan dalam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru yang hanya dikatakan menguntungkan sebahagian daripada golongan masyarakat dalam negara ini. Oleh yang demikian, kita percaya perlulah duta-duta kita di luar negeri itu orang yang betul-betul cekap dan betul-betul dapat menjalankan perannya, bukan setakat mempunyai pengalaman yang tinggi tetapi juga lebih dinamik supaya penerangan dan penjelasan dapat dibuat kepada orang-orang asing di negara-negara yang berkenaan.

Keduanya, Tuan Pengerusi, dalam hal ini juga sebagaimana yang telahpun dibangkitkan tentang soal sikap penuntut-penuntut kita yang ada di luar negeri. Sebagaimana penjelasan yang kerap dibuat oleh Kementerian tentang adanya perhubungan yang sentiasa dilakukan dengan penuntut-penuntut, tetapi saya yakin tindakan yang lebih positif patutlah diadakan untuk mengawasi perjalanan persatuan-persatuan pelajar Malaysia kita di luar negeri, sebab sebagaimana yang kita tahu persatuan-persatuan pelajar yang dipimpin oleh pelajar-pelajar Malaysia di luar negeri berkemudahan ataupun berkemungkinan untuk cenderung dalam soal-soal yang berkaitan dengan amalan-amalan sosialis dan juga yang tidak sesuai dengan apa yang dilakukan di negara ini. Oleh yang demikian, dengan sebab pengaruh pemimpin-pemimpin pelajar di dalam persatuan-persatuan pelajar Malaysia itu, sebagaimana yang pernah berlaku di Australia dan New Zealand dan negara lain yang banyak terdapat pelajar-pelajar kita, maka timbul salah faham dan juga timbul kesulitan dan masalah di mana Kerajaan kita diletakkan dalam keadaan serba salah oleh sebab penjelasan yang

kurang tentang dasar-dasar dan juga amalan yang dilakukan oleh Kerajaan kita. Oleh yang demikian, perhubungan yang lebih rapat dan pengawasan yang lebih rapi perlu diadakan oleh Kementerian Luar Negeri melalui kedutaan kita dan juga melalui badan perhubungan pelajar yang ada di luar negeri yang dianjurkan oleh Kementerian Pelajaran supaya masalah yang disebutkan itu dapat ditangani dengan seberapa segera.

Saya yakin sekiranya pihak Kementerian mengadakan perhubungan yang lebih erat dan selalu mengadakan perjumpaan-perjumpaan dengan penuntut-penuntut walaupun sebagaimana yang pernah diterangkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, penuntut-penuntut kita sendiri tidak mahu berjumpa, mungkin sikap itu perlu diubah dan kita perlu mengadakan kemudahan di kedutaan kita dan di tempat-tempat yang berkenaan bagi menggalakkan pelajar-pelajar itu menggunakan kemudahan-kemudahan itu, mungkin kemudahan yang berkaitan dengan perpustakaan kita dilengkapi dengan maklumat-maklumat yang lebih lanjut dan up-to-date berkenaan dengan perkara-perkara yang berlaku di dalam negara kita semasa.

Perkara yang kedua, Tuan Pengerusi, ialah dalam Program Ekonomi (a) berkenaan dengan Asean. Sebagaimana yang kita maklum konsep yang diamalkan oleh Asean iaitu Zone of Peace, Freedom and Neutrality (ZOPFAN) telah dapat diterima oleh sebahagian besar daripada negara-negara dan kuasa-kuasa besar di dunia ini. Kita mengucapkan syabas kepada pemimpin-pemimpin di dalam negara Asean khususnya pemimpin kita di Malaysia yang begitu mempunyai pandangan yang jauh untuk mengamalkan sikap yang demikian walaupun kadang-kadang menimbulkan ada juga tuduhan, pandangan yang mengatakan konsep ZOPFAN ini sebenarnya juga merupakan pakatan pertahanan. Di dalam hal ini, kawasan rantau Asean merupakan kawasan yang boleh dikatakan amat kaya dengan sumber-sumber alam dan juga anggota negara Asean termasuk negara kita merupakan negara yang boleh dikatakan termaju di kalangan negara yang membangun pada hari ini.

Saya ingin mencadangkan supaya dalam konteks Asean ini Malaysia mempelopori satu usaha untuk mengadakan satu tabung kepakaran bagi membantu negara-negara baru merdeka dan baru membangun

dalam teknologi pembangunan tanah, pembangunan usahawan-usahawan kecil dan juga teknologi moden yang berkaitan dengan pertanian dan juga perindustrian. Ini dapat dilakukan oleh sebab dalam negara-negara yang menjadi anggota Asean kita mempunyai kepakaran yang mencukupi. Setakat ini apa yang dapat kita lihat usaha-usaha yang dibuat oleh negara Asean ialah untuk membantu diri sendiri. Mungkin inilah dasar yang sekarang sedang diamalkan oleh Asean, membantu diri sendiri dengan mengadakan berbagai program dan projek yang besar yang dijalankan oleh tiap-tiap negara yang berkenaan, tetapi sudahlah sampai masanya sekarang supaya Asean melangkah ke bidang yang lebih luas untuk memberikan bantuan-bantuan kepakaran kepada negara-negara yang baru merdeka dan juga baru membangun.

Di samping itu, dalam bidang ini juga kita pernah mendengar satu ketika dahulu tentang Colombo Plan yang dianjurkan oleh negara-negara Komanwel yang sekarang ini nampaknya sedang malap dan tidak dapat kita lihat rancangan yang konkrit yang dijalankan oleh Colombo Plan itu. Dalam bidang ini saya ingin mencadangkan supaya negara kita juga sebagai anggota Asean mempelopori dan menganjurkan idea untuk mengadakan satu rancangan Asean mengenai pelajaran iaitu sama seperti apa yang dibuat oleh Colombo Plan dan dengan cara ini akan dapat memberikan bantuan pendidikan dan pelajaran kepada rakyat dalam negara yang berkenaan, bukan setakat melanjutkan pelajaran tetapi untuk menjalankan usaha-usaha penyelidikan dalam bidang-bidang yang akan memberikan bantuan kepada negara-negara yang berkenaan. Dalam hal ini juga, saya yakin kita juga menghadapi masalah yang sama seperti mana yang kita tahu tentang pengumuman yang dibuat oleh Britain dalam menaikkan yuran bagi penuntut-penuntut luar negeri dan saya yakin penuntut di negara Asean juga adalah terlibat secara langsung dengan dasar baru yang diamalkan oleh Kerajaan ataupun institusi pelajaran British pada hari ini. Jadi langkah-langkah tegas patut juga dijalankan melalui Kementerian ini dengan berunding dengan negara-negara yang berkenaan supaya masalah yang berkaitan dengan pendidikan dan pelajaran akan dapat sama-sama diatasi di dalam kelompok negara Asean ini.

Yang ketiga, Tuan Pengerusi, mungkin juga usaha-usaha yang kita tidak tahu sudahpun dijalankan oleh pihak Asean untuk menambah bilangan negara Asean sebab kita lihat di dalam rantau Asia ini bukan sahaja 5 buah negara sudah terlibat, kita ingin tahu sama ada adakah ini menjadi dasar Asean sekarang ini untuk menghadkan bilangan ataupun adakah langkah-langkah lain yang lebih awal yang telahpun dijalankan oleh Kementerian Luar Negeri dan juga Asean pada umumnya untuk menarik negara-negara seperti Brunei dan Burma untuk bersama-sama menyertai dalam kelompok negara-negara Asean ini.

Tuan Pengerusi, sekianlah sahaja pandangan saya dan sekali lagi saya menyokong peruntukan yang dimohon oleh Kementerian Luar Negeri.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab.

5.58 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri (Tuan Mohd Kassim bin Ahmad): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang turut membahaskan dan menyokong anggaran Perbelanjaan Mengurus dan anggaran Belanja Pembangunan Kementerian Luar Negeri bagi tahun 1981 masing-masing berjumlah \$79,508,600 dan \$7,493,000 yang mana jumlah besarnya \$87,001,600. Seramai 5 orang Ahli Yang Berhormat turut berucap di dalam Dewan yang mulia ini dan untuk menjimatkan masa saya tidak bercadang untuk menjawab ataupun memberi penjelasan kepada semua perkara yang dibangkitkan dan diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Dengan demikian, saya akan cuba sedaya upaya menyentuh perkara ataupun persoalan-persoalan yang dianggap penting.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Tanah Merah telah membangkitkan soal permainan atau persaingan kuasa-kuasa besar. Pada hemat kita selagi kita berpegang kepada keputusan pertubuhan dunia, seumpama Persekutuan Bangsa-bangsa Bersatu (United Nations) atau Persidangan Perhimpunan Islam Sedunia (PPI) dan Asean sendiri kita akan menghala ke arah dasar luar yang sewajarnya. Tambahan pula kita pada hari ini cuba merealisasikan konsep ZOPFAN

untuk mengelak dari kuasa-kuasa besar. Apa yang penting ialah mewujudkan ataupun melahirkan ketahanan negara ataupun, dengan izin, national resilience yang patut kita wujudkan dalam tiap-tiap buah negara ASEAN dan seterusnya keseluruhan negara ASEAN dan ini akan menjamin kestabilan kita di rantau ini.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh, Tuan Pengerusi, membangkitkan soal pelajar-pelajar kita di luar negeri. Sebenarnya sebagaimana telah saya jawab satu soalan di Dewan ini pelajar-pelajar kita di luar negeri dibekalkan dengan maklumat-maklumat yang bersesuaian seumpama akhbar-akhbar tempatan, *Malaysia Digest*, *Malaysia*, keluaran *The New Straits Times* yang menceritakan dasar kita, telex-telex, penerangan-penerangan dan juga ceramah-ceramah oleh pegawai perwakilan kita dan atase pelajaran kita dan juga Menteri-menteri serta penganjur-penganjur kita yang melawat ke tempat-tempat yang berkenaan.

Yang menjadi masalah pada hari ini, Tuan Pengerusi, ialah golongan-golongan yang cuba memutarbelitkan keadaan dan inilah saya berharap sesiapa sahaja yang melawat keluar negeri membawa satu pembawaan yang benar-benar ikhlas dan jujur terhadap negaranya iaitu memberitahu atau penerangan kepada mana-mana penuntut yang mereka temui mengenai dasar Malaysia yang sebenar, dengan cara ini sahaja saya rasa kita dapat corakan penuntut-penuntut kita ke arah corak yang kita kehendaki. Beliau juga menyatakan elok kalau anak-anak kita yang lulus di Institusi Pengajian Tinggi di luar negeri terus pulang tanpa berhenti di mana-mana tempat. Ini saya rasa adalah peranan di antara ibubapa dengan pelajar-pelajar itu sendiri. Sebenarnya jikalau sebelum pelajar-pelajar itu sendiri melanjutkan pelajaran di seberang laut, diberi penerangan yang jelas, ajaran yang baik di rumah masing-masing maka masalah taatsetia anak-anak kepada ibubapa itu tidak timbul; apakala anak-anak kita menaruh taatsetia kepada ibubapanya, maka apa sahaja yang diminta oleh ibubapanya akan dikendalikan oleh anak-anak kita itu, iaitu jikalau ibubapanya menulis surat supaya ia terus pulang setelah selesai pengajiannya maka dengan sendirinya anak-anak kita akan pulang terus ke negaranya.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar membangkitkan banyak juga masalah-masalah, jadi apa yang saya hendak terangkan di sini

iaitu berhubung dengan pengiklan-pengiklan di luar negeri. Benar sekali pegawai-pegawai kita di luar negeri tidak berhenti-henti memberi penerangan lebih-lebih lagi kita akan menjemput pegawai-pegawai kita yang di luar negeri pulang ke negara ini, barangkali tahun hadapan ini untuk diberi kursus khas supaya mereka lebih cekap lagi berhubung dengan penerangan-penerangan luar negeri, penerangan yang berkenaan dengan Malaysia untuk bahan-bahan luar negeri.

Ahli Yang Berhormat dari Baling membangkitkan kelemahan pentadbiran kewangan. Di dalam masalah ini sebenarnya kita sentiasa mengedarkan keterangan-keterangan yang lengkap di dalam mengatasi masalah ini disamping mengadakan taklimat dan kursus-kursus kepada pegawai-pegawai yang berkenaan yang bertugas di perwakilan kita dengan kerjasama pihak-pihak INTAN dan Kementerian Kewangan. Di samping itu kita ada mempunyai Pasukan Naziran yang sering melawat perwakilan-perwakilan kita, maka dengan cara-cara ini saya rasa kita dapat mengatasi apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu.

Ahli Yang Berhormat dari Baling juga membangkitkan soal kelemahan dalam mengumpulkan maklumat-maklumat di luar negeri. Sukalah saya nyatakan di sini bahawa kita ada mempunyai External Information kita dan setakat ini kita menerima maklumat-maklumat yang boleh dikatakan memuaskan. Saya tidak mengerti kenapa Yang Berhormat dari Baling itu menyatakan kita tidak menerima laporan yang betul, telex-telex kita dan berita-berita yang kita terima daripada luar negeri semuanya betul dan oleh sebab itulah dasar luar negeri pada hari ini berjalan dengan baik. Kalaulah laporan yang kita terima tidak betul, dengan sendirinya pencorakan dasar kita tidak betul, jadi saya suka sangkal kenyataan Yang Berhormat itu yang mengatakan bahawa kita tidak menerima laporan-laporan yang betul.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Baling juga mengatakan kita memberi keutamaan dasar luar negeri kita kepada negara-negara yang lain selain daripada negara Arab. Sebenarnya keutamaan yang kita beri kepada hubungan luar negeri kita adalah berasaskan kepada kepentingan negara, jadi dalam hal ini tidak boleh dinafikan bahawa kita memang mengadakan hubungan baik dan erat dengan negara-negara Islam.

Saya suka memberi contoh, Malaysia telahpun mengambil peranan utama bagi mengadakan Persidangan Kemuncak Pertama antara negara-negara Islam di Rabat, Morocco dalam tahun 1969 dan seterusnya dalam usaha-usaha memperkukuhkan solidariti Islam melalui Persidangan-persidangan Negara-negara Islam dan Sekreteriat Islam.

Seperti mana Ahli Yang Berhormat dari Baling sedia maklum Setiausaha Agong Pertama Sekreteriat Islam ialah Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-haj sendiri yang mana ini membuktikan penghargaan negara-negara Islam terhadap Malaysia. Lagi pula berhubung dengan lawatan-lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dan Yang Berhormat Mulia Menteri Luar Negeri ke negara-negara Islam pada masa-masa yang lepas dan lawatan-lawatan pemimpin-pemimpin negara-negara Islam yang lain ke negara kita, seperti lawatan Amir Kuwait baru-baru ini, membuktikan bahawa kita sentiasa memelihara, memupuk dan meninggikan hubungan kita dengan negara-negara Islam.

Ahli Yang Berhormat dari Pagoh membuat beberapa cadangan yang constructive dan satunya membangkitkan mengenai kita mempelopori Tabung Pakaran dan juga soal-soal Colombo Plan dan juga berhubung dengan menambahkan lagi keluarga ASEAN. Dalam hal yang berkenaan dengan penambahan keluarga ASEAN, sebenarnya kita tidak menghadkan bilangan dan sesiapa pun dalam rantau ini yang ingin menjadi ahli ASEAN, pihak kita setelah berbincang dengan ahli-ahli ASEAN yang lain tidak ada apa-apa halangan.

Tuan Pengerusi, dengan ini saya mohon Anggaran Perbelanjaan Mengurus di bawah Kepala B. 32 dan Anggaran Pembangunan di bawah Kepala P. 32 kedua-duanya itu berjumlah \$87,001,600 diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$79,508,600 untuk Maksud B. 32 di bawah Kementerian Luar Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$79,508,600 untuk Maksud B. 32 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan di bawah Maksud P. 32 Anggaran Perbelanjaan Pembangunan tahun 1981 sebanyak \$7,493,000 diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$7,493,000 untuk Maksud P. 32 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1981.

Maksud B. 33, B. 34, B. 35, B. 36 dan B. 37 (Jadual)—

Maksud P. 33 dan P. 36 (Anggaran Pembangunan, 1981)—

Tuan Pengerusi: Jawatankuasa akan menimbangkan Kepala Perbekalan B. 33, B. 34, B. 35, B. 36 dan B. 37 berjumlah \$3,102,337,300 dan juga Kepala Pembangunan P. 33, P. 36 dan P. 66 berjumlah \$1,289,553,532 di bawah Kementerian Kewangan dan sekarang terbuka untuk dibahas.

Ahli Yang Berhormat dari Pagoh.

6.10 ptg.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin (Pagoh): Tuan Pengerusi, di dalam menyokong peruntukan yang dimohon oleh Kementerian Kewangan, saya ingin menyentuh tentang suatu perkara yang saya kira menjadi perhatian umum sekarang ini, iaitu di dalam Maksud B. 33—Perbendaharaan, Program (1) Program Pentadbiran Am.

Saya yakin Yang Berhormat Menteri Kewangan sedar sekarang ini tentang kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh orang ramai khasnya berkaitan dengan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh bank-bank perdagangan dan juga institusi kewangan di dalam negara ini bagi memberi pinjaman-pinjaman untuk perumahan. Sekarang ini perkara yang dipercakapkan oleh orang ramai khususnya mereka yang ada kaitan dengan industri perumahan ialah, dengan izin, Tuan Pengerusi, tight credit squeeze ataupun keadaan credit bagi pinjaman yang semakin ketat.

Ini disebabkan mengikut pakar-pakar ekonomi kerana kekurangan bekalan wang dan sebahagian besar daripada institusi kewangan beberapa bulan yang lalu pernah memberikan pinjaman-pinjaman dengan syarat-syarat yang lebih mudah tetapi sekarang ini telah mengenakan syarat-syarat yang lebih ketat kepada peminjam-peminjam. Saya khawatir, Tuan Pengerusi, sekiranya tindakan tegas dan juga rancangan jangka pendek dan jangka panjang tidak disediakan melalui dasar-dasar yang patut dijalankan oleh Kementerian ini maka keadaan industri perumahan yang sekarang ini diberikan perhatian utama akan terjejas.

Sekarang ini kesulitan-kesulitan juga dihadapi oleh industri perumahan khususnya kalangan pemaju-pemaju mengikut laporan-laporan akhbar dan juga maklumat-maklumat yang diketahui tentang kebanyakan daripada bank-bank perdagangan yang sepatutnya melaksanakan rancangan yang lebih mudah bagi memberikan kemudahan-kemudahan finacing jangka panjang dan jangka pendek, sekarang ini kebanyakan bank-bank menolak permohonan-permohonan seperti itu. Mereka mengatakan bahawa kadar yang dikenakan untuk pinjaman sekarang ini tidak begitu menarik, lebih-lebih lagi kalau pinjaman itu berkaitan dengan pinjaman membeli rumah di mana mengikut dasar sekarang ini Kerajaan ataupun bank-bank perdagangan membolehkan bayaran balik dalam tempoh 15 tahun dan ini dianggap terlalu panjang dan tidaklah menguntungkan bagi bank-bank yang berkenaan.

Jadi saya ingin mendapat penjelasan lebih lanjut daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang apakah rancangan-rancangan tegas dan juga tindakan-tindakan yang akan diambil oleh pihak Kementerian bagi menentukan supaya sektor industri perumahan yang amat dipentingkan sekarang ini tidak akan terjejas dengan keadaan kredit yang semakin ketat yang diamalkan oleh bank-bank perdagangan dan bank-bank tempatan.

Yang keduanya, Tuan Pengerusi, dalam hal ini juga, saya ingin dapat penjelasan sama ada Kementerian telah berpuas hati tentang rancangan-rancangan yang dimainkan oleh institusi kewangan khasnya syarikat-syarikat kewangan bagi memberi pinjaman-pinjaman perumahan kepada orang-orang perseorangan. Sama ada kuota yang telahpun dikenakan oleh Bank Negara dan juga oleh

Kementerian Kewangan, syarat-syarat yang ditentukan telah dapat dipatuhi oleh syarikat-syarikat tersebut ataupun masih banyak lagi wang-wang yang patut digunakan bagi memberi pinjaman tidak diberikan ataupun digunakan dengan sepenuhnya.

Yang ketiganya, Tuan Pengerusi, ialah tentang galakan-galakan yang patut ditimbang oleh pihak Kementerian kepada sektor industri-industri yang mengeluarkan dan memproses bahan-bahan utama bagi pembinaan. Kita tahu di dalam Anggaran Belanjawan dan juga di dalam Ucapan Belanjawan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan baru-baru ini memang ada galakan-galakan diberikan kepada sektor pembinaan dan juga kepada sektor industri perumahan ini tetapi saya khawatir kemudahan-kemudahan dan galakan-galakan ini tidak mencukupi dan saya ingin mendapat penjelasan juga daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang langkah-langkah yang akan beliau ambil pertamanya bagi menentukan melalui dasar fiskal dan cukai supaya bahan-bahan binaan tidak melambung naik. Ini adalah amat penting sekali, sebab dengan kerana bahan-bahan binaan itu sekarang ini melambung naik maka kos binaan juga begitu tinggi dan juga rumah-rumah yang patut dijual dengan harga yang berpatutan, terpaksa juga dijual dengan harga yang tinggi.

Keadaan ini amat membimbangkan kita dan saya tidak dapat menafikan bahawa inflation psychology, dengan izin, Tuan Pengerusi, rampant ataupun begitu kerap berlaku dan masih berlaku di kalangan masyarakat kita khasnya dalam soal mendapatkan kemudahan-kemudahan perumahan itu. Jadi tindakan tegas dan juga tindakan yang segera patutlah difikirkan oleh Kerajaan bagi memberikan galakan-galakan yang istimewa kepada sektor yang amat penting ini.

Satu perkara, Tuan Pengerusi, ialah tentang sikap bank-bank asing terhadap soal pinjaman kepada peniaga-peniaga kecil. Perkara ini juga kerap dibangkitkan dan masalah-masalah serta kesulitan ini juga biasa disuarakan oleh peniaga-peniaga kecil khususnya peniaga-peniaga bumiputra. Kita masih dapati walaupun tindakan tegas dan peraturan-peraturan tertentu telahpun dikenakan oleh Bank Negara dan juga oleh Kementerian kepada bank-bank asing tetapi masih ada lagi sikap di kalangan pegawai-pegawai

bank-bank asing yang sebahagiannya masih lagi pegawai-pegawai expatriate memandang kecil kepada usaha-usaha yang diutamakan oleh Kerajaan. Umpamanya memberi bantuan kepada peniaga kecil untuk mendapat pinjaman. Pernah juga timbul sungutan daripada kalangan bumiputra apabila mereka pergi ke bank-bank tersebut, mereka dihalau dan diarahkan supaya pergi ke Bank Bumiputra ataupun bank-bank Kerajaan yang lain kerana mereka mengatakan di situlah sebenarnya bank untuk orang Melayu atau bumiputra. Sikap seperti ini saya percaya perlulah diberhentikan dan juga perhatian yang lebih serius bukan sahaja patut diberikan oleh Kementerian Kewangan tetapi juga oleh Kementerian yang lain yang berkaitan dengan sikap pegawai-pegawai bank asing ini.

Selain daripada itu ada juga kesulitan yang dihadapi oleh pegawai-pegawai Eksekutif bumiputra di dalam bank-bank perdagangan khasnya bank-bank asing ini. Adanya amalan-amalan diskriminasi yang diamalkan oleh bank tersebut ini sehingga menyebabkan satu daripada sebab utama mengapa pegawai-pegawai Eksekutif tinggi bumiputra terpaksa meninggalkan bank-bank tersebut dan berlakulah kekosongan. Dan ini diambil sebagai satu dalih oleh bank-bank tersebut untuk mengambil pegawai-pegawai lain yang bukan bumiputra dan kerap kali apabila inquiry ataupun penyelidikan dijalankan oleh Kementerian Buruh umpamanya, mereka menerangkan bahawa pegawai bumiputra tidak mahu dan tidak ingin bekerja di dalam bank-bank ini dengan sebab-sebab persendirian. Jadi perkara penindasan dan juga diskriminasi dan lip service yang pernah saya bangkitkan yang diamalkan oleh setengah daripada bank-bank asing ini perlulah diberikan perhatian yang berat oleh Kementerian Kewangan.

Saya ingin supaya Kementerian membuat penyelidikan lebih lanjut tentang adanya aduan yang pernah saya terima daripada bekas pegawai-pegawai bank daripada Chartered Bank, sebuah bank yang dimiliki asing khasnya Ibupejabatnya di Kuala Lumpur ini iaitu tentang adanya sikap-sikap yang diamalkan oleh pegawai-pegawai expatriate di dalam bank ini. Dasar-dasar yang diamalkan untuk memberi latihan yang semata-mata hanya untuk mengabui masyarakat khasnya golongan dan juga pegawai Kerajaan pada hari ini. Umpamanya mereka

mengadakan Skim Latihan kepada pegawai-pegawai Eksekutif bumiputra untuk naik ke tingkat yang lebih tinggi dengan menghantar mereka ke luar negeri. Sebenarnya tindakan ini hanya untuk mengalihkan perhatian pegawai-pegawai ini dan mungkin menempatkan mereka ke luar negeri supaya mereka tidak dapat menjalankan dasar-dasar yang sepatutnya sebagai pegawai eksekutif bumiputra melaksanakan di dalam bank-bank yang tersebut.

Tuan Pengerusi, perkara-perkara ini saya harap akan mendapat perhatian yang lebih serius dari Kementerian Kewangan dan pada akhirnya saya menyokong peruntukan yang dimohon oleh Kementerian ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kangar.

6.21 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Pengerusi, muka surat 313, Maksud B. 3 mengenai Kewangan Persekutuan.

Saya hendak bercakap tentang bentuk wang Persekutuan. Kita dapati hari ini wang-wang kita yang telah dikeluarkan oleh Perbendaharaan Malaysia kebanyakan wang itu ada gambar tetapi banyak daripada rakyat Malaysia sendiri tertanya-tanya gambar siapakah yang ada di dalam bentuk wang Malaysia pada hari ini sedangkan di negara-negara luar yang kita lihat mengeluarkan wang ada gambarnya tetapi gambar orang itu ditulis siapakah orang itu.

Misalnya wang Saudi Arabia ditulis di bawah gambar itu Al-Malik Saudi umpamanya, begitulah keadaannya di negara-negara lain. Kadang-kadang orang tertanya-tanya, adakah gambar orang yang di dalam wang ini gambar Governor Bank Negara, Tan Sri Ismail Ali dan berbagai-bagai pertanyaan lagi kerana setahu saya, gambar yang ada di dalam wang Persekutuan kita ialah gambar Almarhum bekas Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang pertama dahulu. Begitulah seterusnya kita mengeluarkan wang. Kepada Ahli-ahli kita yang baru, anak-anak muda kita yang tidak biasa melihat Agong yang pertama itu mereka tidak tahu ini gambar siapa. Jadi saya harap sebagai mengingati juga Agong

Tuan Pengerusi: Kalau sebut nama Kebawah Duli, sebut dengan penuh!

Tuan Shaari bin Jusoh: Ya. Sebagai mengingati juga bekas Yang di-Pertuan Agong yang pertama dahulu, Almarhum Seri Paduka Baginda Tuanku Abdul Rahman yang mana kita mengambil sempena sebagai Yang di-Pertuan Agong pertama, patutlah bila hendak dikeluarkan wang itu dituliskan namanya. Kita yang biasa lihat kita tahu tetapi banyak anak-anak muda dan ada setengah orang tidak tahu kedudukan wang itu. Dengan sebab itu saya berharap di masa akan datang bila hendak cap baru kerana saya tahu wang ini selalu dikeluarkan dengan cara yang baru, biarlah dia keluar dengan namanya sekali selain daripada gambar yang telah ada. Begitulah seboleh-bolehnya dalam sebarang wang syiling baik apatah lagi wang yang dikeluarkan dengan bentuk kertas yang boleh dikatakan angka ringgitnya terlampau banyak.

Tuan Pengerusi, di samping itu juga dalam kumpulan wang ini dari segi pentadbiran gaji-gaji, saya berpendapat kalaulah boleh gaji semua pegawai-pegawai Kerajaan biarlah dibuat oleh Kementerian Kewangan dibayar gaji sebulan dua kali. Perkara ini pada pendapat saya tentulah rumit tetapi menjadi kebaikan kepada penerima-penerima gaji itu sendiri, kerana bila dia menerima gaji sebulan dua kali ini tidak membanyakkan beban kepada penerima itu sendiri kerana sudah menjadi adat kepada orang kita dan juga adat kepada peniaga-peniaga, dia percaya kepada orang makan gaji. Jadi pegawai-pegawai Kerajaan yang akan menerima gaji sebulan sekali dia akan berpandu kepada gaji bulannya pada hujung bulan. Dengan sebab itu dengan sendirinya dia akan berhutang di sana sini. Bila berhutang, ini satu perkara yang telah menjadi kelaziman kepada dunia masa hendak mengambil itu senang dan harga tidak begitu menjadi masalah asalkan sahaja orang beri hutang maka perkara itu kita ambil. Jadi tunggulah gaji bulanan di hujung bulan. Dengan sebab itu saya percaya harga barang sebagaimana yang diambil dengan harga tunai dengan harga berhutang tentulah lebih tetapi sudah menjadi adat kepada kita.

Jikalau boleh dibuat sebulan dua kali atau dua minggu sekali macam mana dibuat kepada tentera, saya fikir ini akan menjadi kebaikan kepada pekerja-pekerja kita apatah lagi yang bekerja dengan jawatan Kerajaan. Setahu saya negara-negara luar banyak yang menjalankan apa yang saya katakan tadi

iaitu membayar gaji kepada pegawai-pegawainya ialah dua minggu sekali macam mana kita lakukan kepada tentera kita hari ini. Saya harap perkara ini dapat dijalankan oleh pihak Kementerian yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, muka surat 330 berkenaan dengan Kastam Di Raja.

Saya berpendapat Kastam Di Raja ini baikpun yang di darat apatah lagi di laut patutlah dilengkapkan dengan alat-alat moden. Misalnya, kalau Kastam di darat seperti kenderaan, kadang-kadang Kastam ini selain daripada mereka akan mengutip cukai ada juga daripada orang-orang yang tidak bertanggungjawab akan melarikan cukai dan sebagainya. Kalau motokar yang digunakan oleh Kastam itu sendiri tidak dapat mengikuti laju yang dibawa oleh pelari-pelari cukai, tentulah tidak dapat mengesan atau tidak dapat menangkap dengan kerana motokar yang dibawa oleh pihak-pihak penyeludup dan sebagainya itu lebih laju daripada apa yang ada pada Kastam kita.

Begitu juga Kastam laut. Saya berpendapat lebih penting lagi diberi alat-alat yang moden, di segi botnya hendaklah lebih laju daripada bot-bot yang digunakan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab yang hendak melarikan cukai dan sebagainya. Saya dapat tahu juga patutlah Kastam-kastam laut ini juga, gaji-gaji mereka ditimbangkan semula kerana saya selalu mendapat rungutan yang mana Kastam-kastam laut tidak disamakan dengan Kastam-kastam yang bertugas di darat. Kalau hendak difikirkan dari segi tugas walaupun sama-sama teruk tetapi tugas di laut ini lebih teruk lagi. Kalau tidak kena kita buru pihak yang kita hendak buru iaitu pelari cukai dan sebagainya, kadang-kadang apabila kapal-kapal itu pecah atau terjunam ke dalam laut maka akan membawakan akibat yang cukup teruk, bahkan saya percaya yang membawa satu kemalangan dan kalaulah pihak yang berkenaan tidak dapat menyelamatkan mereka dari dalam air maka ini satu perkara yang amat teruk. Tegasnya Kastam dalam laut tugasnya amatlah teruk dan bahayanya amat teruk daripada Kastam di darat. Jadi bagaimana disungutkan oleh pegawai-pegawai Kastam dan berbagai kakitangannya yang ada di dalam laut dan sebagainya taraf mereka ini berbeza daripada taraf yang ada pada Kastam yang menjalankan kerjanya di daratan maka ini

saya fikir tidaklah berpatutan. Seboleholehnya patutlah dilebihkan, kalau tidakpun, biarlah bersamaan.

Tuan Pengerusi, yang akhirnya di muka surat 342, di segi cukai pendapatan—Pungutan Cukai-cukai.

Hari ini Kerajaan kita telah memungut cukai-cukai daripada berbagai-bagai bidang perniagaan dan juga orang-orang makan gaji.

Saya berpendapat amatlah baik kalaulah boleh terutama pegawai-pegawai yang makan gaji, saya percaya ada daripada pegawai Kerajaan baikpun bergaji besar atau bergaji rendah harus tidak bersetuju dengan pendapat saya tetapi biarlah apa yang saya fikir daripada segi keselamatan patutlah dibuat potongan bulanan sebagaimana kita potong kepada EPF dan sebagainya kerana kadang-kadang berlaku selalu apabila sudah sampai hujung tahun mereka yang kena bayar cukai misalnya hampir \$1,000 maka di kala itu membawa satu beban yang amat sangat kalau hendak dibayar sekali gus kerana telah menjadi adat kepada kita kalau diberi kemudahan maka kemudahan itu tentulah kita hendak guna termasuk juga saya sendiri tetapi kalau kita buat sedikit-sedikit, seperti kata pepatah: berdikit-dikit benda itu tidak terasa tetapi kalau hendak sekali gus, ini amatlah teruk.

Maka dengan sebab itu, saya mencadangkan tentulah Kementerian Kewangan telah membuat sukatan, sekian-sekian gaji pada sekian-sekian orang yang kena keluar cukai

maka dia tahu anggaran yang berkenaan. Maka dengan sebab itu ditetapkan sekian-sekian dipotong daripada gaji yang mana dia patut membayar cukai. Pendek kata kalaulah ada berlebihan cukai yang telah dibayar oleh pegawai yang berkenaan bolehlah pihak Perbendaharaan sendiri membayar balik ataupun kalau didapati tidak cukup kalau benda itu sedikit boleh dituntut balik dari pihak yang berkenaan. Ini menjadi satu perkara yang tidak menerukkan kepada pihak-pihak yang kena membayar cukai. Tetapi walau bagaimanapun, saya percaya ini menerukkan sedikit pihak Perbendaharaan kerana kerjanya bertambah banyak. Tetapi walau macam manapun, untuk keselamatan pegawai-pegawai yang saya katakan tadi saya berharaplah perkara ini dapat dijalankan oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Saya juga ucapkan terima kasih di segi pungutan cukai ini dan saya percaya sejak berjalannya cukai-cukai ini boleh dikatakan negara kita bertambah banyak apatah lagi yang masuk melalui sempadan

Tuan Pengerusi: Masa sudah cukup. Perbincangan di bawah Kementerian ini akan disambung hari esok.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan hingga jam 2.30 petang hari esok, 26hb. November, 1980.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.